



BUNGA RAMPAI

KAJIAN

SASTERA MELAYU

Penyusun:


R. O. SELAMAT

Siri 972



BUNGA RAMPAI
KAJIAN
SASTERA MELAYU

Penyusun :
R. O. SELAMAT



YANG QUEE YEE
~~...~~
~~SINGAPORE~~

Penerbit:

Sinaran **SINARAN** Berhad
1963. 118

楊貴道珍藏
Koleksi Yang Quee Y.

SA-KAPOR SIREH DARI PENYUSUN

Buku **BUNGA RAMPAI KAJIAN SASTERA MELAYU** ini sengaja di-susun demikian rupa.

Saya harap buku ini dapat menambah bilangan buku Sejarah Kesusasteraan yang ada hari ini. Saya akui kandungan isi buku ini boleh memberi pertolongan besar kepada guru₂ dan pelajar₂ tingkatan menengah atas yang sedang giat mengkaji sejarah kesusasteraan Melayu.

Segala isi kandungan yang di-huraikan di-dalam buku kecil ini, ada-lah di-sunting daripada bahan₂ yang di-dapati daripada buku₂ yang terdaftar dalam bab " Bibliografi ".

R. O. SELAMAT,
Penyusun.

KATA PENGANTAR

Tidak dapat kita nafikan bahawa kesusasteraan dunia umumnya dan kesusasteraan Melayu khas-nya ada-lah salah satu pokok kajian yang sudah lama banyak mendapat perhatian. Bidang ini bukan sahaja di-kaji oleh penuntut₂ di-sekolah menengah dan mahasiswa₂ di-university, tetapi juga oleh peminat₂ sastera lain-nya.

Terbit-nya buku "**Bunga Rampai Kajian Sastera Melayu**" ini menunjukkan salah satu bukti dari kenyataan di-atas. Moga₂ buku ini dapat merupakan suatu sumber yang berguna bagi mereka yang berkechimpan dalam lapangan sastera atau mereka yang mempunyai perhatian terhadap sastera.

November 1963.

Siti Hawa Bt. Mohd. Yatim B. A.
Ketua Pengarang.

I. SADIKIT BERKENAAN MA'ANA KESUSASTERAAN

Sa-bagai yang kita sa-sama ketahui, kesusasteraan ia-lah satu cabang seni yang penting, kerana kesusasteraan sa-suatu bangsa itu ada-lah sa-bagai chermin kapada bangsa itu; maju kesusasteraan-nya, maka bererti maju-lah kebudayaan bangsa itu.

Perkataan "KESUSASTERAAN" itu, ia-lah gabongan perkataan "SU" dan "SASTERA" (Sanskrit). "SU" yang berm'ana indah atau chantek, "SASTERA" pula berm'ana tulisan dan bahasa (sa-tiap yang bertulis). Jadi, dengan rengkas "KESUSASTERAAN" dapat di-mengertikan: Sa-tiap hasil chiptaan yang bertulis yang indah dan bernilai.

Asas kesusasteraan sa-suatu bangsa itu, ia-lah berdasarkan kebudayaan-nya dan kebudayaan itu berkembang dari satu masa ka-satu masa mengikut kesempurnaan dan keperluan hidup musharakat itu.

Di-zaman permulaan, tiap₂ yang di-lakukan oleh manusia, ada-lah sa-mata-mata untok menchapai keperluan hidup-nya. Seni pada masa itu tidak ada. Kalau ada pun, mutu-nya sangat rendah. Bila sampai zaman tamaddun, baharu-lah lahir nilai seni-nya, hingga dewasa ini kesenian itu berkembang dan baik pula darjah-nya, tidak-lah saperti di-zaman permulaan di-mana seni-nya bagitu kasar.

Sejak manusia tahu bermusharakat, lahir-lah lambang atau bunyi yang menjadi alat perhubungan (bahasa perhubungan) antara anggota musharakat itu. Jadi bahasa dan musharakat hidup-nya, ada-lah umpama aur dan tebing. Bila manusia sudah hidup bermusharakat dan tidak melakukan perpindahan lagi, maka lahir-lah usaha₂ untok membaiki kehidupan, saperti usaha₂ berchuchok tanam, berternak. Dan dari itu terchapai-lah kesempurnaan kehidupan mereka. Dari kesempurnaan hidup itu, maka banyak-lah masa lapang; sebab binatang telah di-jinakkan,

mereka tidak payah merayau, menchari atau memburu-nya berhari-hari. Dengan ada-nya masa lapang itu, maka mereka mulai pandai menggunakan masa lapang-nya dengan memperbaiki alat, perkakas yang di-gunakan dalam kehidupan mereka, dan akhirnya darjah seni mereka menjadi sempurna*.

Sa-terus-nya tiap, orang menggunakan masa lapang-nya dengan berbagai-bagai kerja mengikut kechenderongan masing, seperti memperbaiki senjata, mengukir dan melukis dsb.

Dari sini timbul-lah seni ukir dan seni lukis dan sa-bagai-nya. Biasa-nya seni ukir dan seni lukis itu, ada-lah berkait rapat dengan keperchayaan mereka, dan akhir-nya, meluas menjadi huruf hingga masa ini.

Manusia itu sifat-nya sentiasa berikhtiar untuk memuaskan jasmani dan rohani-nya, dan untuk ini mereka menggunakan fikiran untuk menchipta tujuan, mithal-nya untuk tempat kediaman yang lebeh baik dan sempurna, senjata yang lebeh tajam dan chantek.

Daripada manusia yang kechewa dalam hidup-nya pula, (mithal-nya dalam perchintaan), mereka akan mengeluarkan segala rasa hati-nya, dengan ini lahir-lah chiptaan indah seperti sajak dan pantun, sha'er, seni ukir dan seni lukis.

Sa-lain daripada itu, musharakat di-masa itu, merupakan satu persatuan yang lebeh rapat, lebeh padu, tidak berpechah belah antara musharakat-nya. Sa-orang dengan anggota musharakat yang lain banyak tali, yang mengikat. Mereka sama mendiami satu daerah yang boleh di-katakan tertutup. Segala keperluan hidup rohani atau pun jasmani dapat di-perolehi dalam lengkongan musharakat itu sendiri. Tentang sikap-nya

*Bertambah baik dan ada nilai seni-nya; tidak bagitu kasar lagi sa-bagaimana seni di-zaman Batu Lama atau zaman Batu Tua.

dan perbuatan-nya tentang susunan fikiran dan perasaan, tentang kepercayaan-nya dan chita₂-nya, ia tiada berdiri sendiri.

Dalam penghidupan sa-hari-hari dalam lengkongan sa-kecil itu, sa-saorang bergantung kepada yang lain, tolong-menolong mendirikan rumah, mengerjakan sawah, mengadakan peralatan; (waktu senang dan waktu sedeh, dalam pekerjaan sa-hari₂ dan dalam perhubungan tentang tenaga ghaib dan sakti yang memimpin dan menguasai tenaga mereka).

Dalam pergaulan sa-tiap hari, anggota musharakat sa-sama-nya bermurah hati, pandang-memandang, tenggang-menenggang. Yang sa-orang tidak berkira sangat kepada yang lain. Selalu-nya hak sa-saorang itu, kepunyaan yang lain pula. Awak sama awak, ada-lah semboyan mereka.

Telah kita perhatikan bersama-sama, bagaimana chorak musharakat mereka di-atas tadi, dari situ dapat kita membuat kesimpulan bagini : sudah tentu musharakat yang padu bersatu itu, ada tali pengikat-nya. Ada atoran₂ yang kukoh yang mengator segala perbuatan dan pekerjaan anggota musharakat itu, yang menentukan perhubungan antara sa-orang dengan sa-orang. Jadi atoran yang mengikat anggota musharakat itu di-dalam satu ikatan dan kumpulan yang kukoh itu, ia-lah 'ADAT, PERATORAN DAN UNDANG₂. Dari 'adat, peratoran dan undang₂ dalam musharakat itu-lah terbit-nya gubahan₂ seperti pepatah, perbilangan, bidalan, perumpamaan dan sa-bagai-nya.

II. MUSHARAKAT MELAYU DENGAN BAHAN SASTERA-NYA

(Sa-belum Sejarah)

Bahan sastera :

Segala yang ada; tetapi belum bertulis, seperti cherita₂, penglipor lara, pantun, sha'er, bidalan, perumpamaan, perbilangan dan sa-bagai-nya. Segala-gala-nya ini apabila di-tulis, maka di-katakan sastera. Apabila di-indahkan lagi, baharu-lah di-katakan Kesusasteraan.

Dari segi sejarah sama₂ kita perhatikan, yang asal bangsa Melayu itu, ia-lah dari selatan negeri China (Yunnan), mereka datang ka-sini semenjak 2,500 tahun sa-belum masehi. Mereka telah pandai berchuchok tanam dan berternak, dari semenjak itu telah ada sejarah-nya.

Mereka juga mempunyai satu musharakat yang terator, tidak berpindah-randah. Mereka telah mengadakan perkakas pertanian yang sentiasa di-baiki dari masa ka-samasa. Mereka juga tinggal di-rumah yang tetap dan bertiang.

Mereka telah berternak dan menjinakkan binatang₂ itu. Binatang₂ itu di-ajar pula hingga dapat menolong mereka membuat kerja. Dan sejak itu mereka telah mulai hidup bergotong royong, kerana mereka telah sedar kebaikan-nya dengan chara bergotong royong itu. Dengan ada-nya kerjasama ini sudah tentu ada pengawas-nya, ia-itu saperti penghulu atau batin bagi mengawasi organisasi, ekonomi, politik dan sosial serta lain₂ hal dalam musharakat itu.

Dengan ada-nya hidup bekerjasama dan ketua₂ itu, maka lahir-lah satu keperchayaan yang sama. Mereka bersatu padu menentang 'anasir₂ 'alam dan menghindarkan ketakutan serta mematohi pantang larang yang mereka chipta sendiri dengan tunjok ajar pawang. Dari sini terbit-lah gubahan₂ indah, saperti jampi, serapah, mentera dan do'a.

Biasa-nya untok menolak 'anasir₂ ghaib, pawang-lah yang mengambil peranan penting dengan melahirkan kata₂ sakti dan indah tadi.

Jadi, segala-gala-nya ini-lah menjadi bahan sastera Melayu.

III. TULISAN

Sejarah telah menunjokkan bahawa bahan sastera telah ada terdahulu daripada manusia pandai menulis.

Biasa-nya musharakat yang terator melahirkan berbagai-bagai cabang seni yang berasaskan keperchayaan-nya, yang akhir-nya menjadi satu tradisi yang di-bawa dari satu tenggang ka-satu tenggang. Tradisi lama itu di-tokok tambah hingga menjadi baik dan sesuai dengan keadaan musharakat itu. Jadi, segala keperchayaan dan bahan₂ sastera mereka itu-lah yang di-tulis mereka.

Bila manusia telah bertamaddun, mereka pun mula-lah menchipta tulisan. Sebab₂ mengapa mereka menchipta tulisan itu, ia-lah :

- a) Bagi kepentingan mengadakan tanda yang tertentu; supaya sa-suatu benda tidak hilang dan senang di-chari. (Tanda₂ ini, ia-lah pada benda₂ dan binatang₂).
- b) Bagi merekamkan kata₂ sakti yang merbahaya, takut hilang kuasa sakti-nya, jika di-lupakan atau salah sebutan-nya.

IV. TULISAN ASLI DI-DUNIA

Tulisan asli di-dunia, ia-lah garisan pada batu, kemudian bertukar pula kepada tanah liat yang di-keringkan dengan menggunakan kalam yang di-buat daripada besi yang tajam. Tulisan jenis ini ada lagi hingga sekarang ini di-British Musium. Tulisan yang di-British Musium ini mengkesahkan cherita Bahtera Nabi Noh, yang tertulis sejak 1000 tahun sa-belum masehi, di-tulis oleh orang₂ bangsa Chaldea dengan huruf Konifom (Cuneiform). Tulisan-nya berbentuk baji.

Sa-lain daripada itu orang Masir Tua telah menulis sa-buah buku yang di-beri nama "The book of the death". Buku ini membicharkan hal₂ perjalanan orang mati serta hadiah₂ atas seksa yang bakal di-terima di-akhirat. Kesusasteraan Masir Tua ia-lah satu kesusasteraan yang tinggi nilai-nya mengenai ugama, perubatan dan hal₂ yang mengenai istana.

Bangsa yang mula₂ mengadakan tulisan yang di-jadikan asas kepada tulisan orang₂ di-Eropah, ia-lah bangsa PHONESIA, ia-itu bangsa yang mendiami utara Afrika. Ibu negeri-nya bernama CARTHAGE.

Bangsa yang mula₂ belajar tulisan ini ia-lah orang Yunani (Greek). Mereka mengubah serta membentok yang baharu untok di-sesuaikan dengan-nya. Kemudian orang₂ Rom pula mempelajari-nya dari orang₂ Yunani.

Pusat kesusasteraan Yunani, ia-lah Alexanderia pada abad III sa-belum masehi, sa-belum ini di-Athens. Mereka memilih Alexanderia ia-lah kerana Alexanderia terjauh daripada bahaya peperangan, juga di-sini boleh di-dapati kertas (Papyrus), yang di-perbuat oleh orang Masir daripada rumput dengan senang.


Sa-lepas Rom mengalahkan Yunani, bahasa Yunani di-jadikan bahasa yang di-'amalkan oleh kaum₂ orang Rom. Masa Julius Caesar berkuasa ia telah membakar kutub-khanah yang di-Alexanderia dengan tujuan untok menghapuskan fahaman ra-'ayat negeri terhadap kesusasteraan-nya; tetapi jasmani ra'ayat terhadap kesusasteraan-nya ta' dapat di-pisahkan.

Bahasa dan kesusasteraan Yunani termashhor hingga abad yang ke-V, kemudian baharu-lah tumbuh kesusasteraan Rom berbahasa Latin. Peringatan: Penulis kesusasteraan Rom yang asli, bukan-lah orang Rom jati; tetapi ia-lah orang asing.

ASAL TULISAN PHONESIA

Tulisan ini berasal daripada gambar, kemudian berubah menjadi lambang. Oleh sebab lambang₂ ini menjadi kesulitan untok benda yang abstrak, maka oleh orang₂ Rom di-ubah menjadi huruf. **Contoh-nya :**

TULISAN PHONESIA



TULISAN ITU BAGI YUNANI ROM


Di-pinda .

A. D.

Satu lagi contoh tulisan yang tua, ia-lah tulisan IDEO-GRAPH, ia-itu tulisan yang mengikut fikiran atau benda yang membawa ma'ana tetapi tidak berhuruf, seperti tanda 'alamat di-tepi jalan-roya.

Orang₂ China mula menchipta tulisan ini mengikut gambaran benda yang hendak di-tulis itu. Tulisan ini juga di-namakan PICTURE WRITING.

CHONTOH-NYA :

BUKIT		SEKARANG JADI	
POKOK		" "	
HUTAN-RIMBA		" "	" "
BULAN		" "	
MATAHARI		" "	

FIKIRAN MANUSIA TERHADAP KEBUDAYAAN-NYA

Semenjak manusia tahu bermusharakat, maka timbul-lah keinginan hendak mengetahui. Bila ingin mengetahui, maka terbit-lah so'alan₂. Tiap₂ so'alan berkehendakkan jawapan. Jawapan itu kalau baik dan sesuai akan di-terima. Jawapan ini biasa-nya timbul-nya berasaskan keperchayaan mereka.

Manusia primitif perchaya tiap-tiap benda ada kuasa-nya. Mereka perchaya juga kuasa benda₂ ini selalu hendak merosakkan manusia. Dari keperchayaan ini terbit-lah myth atau dongeng dewa, ia-itu cherita₂ yang boleh di-dapati pada tiap₂ bangsa di-dunia ini. Cherita₂ ini-lah yang menunjukkan yang orang dahulu memperchayai kuasa₂ ghaib. Maka daripada keperchayaan ini terbit-lah satu daripada bahan yang di-tulis manusia.

Cherita dongeng dewa (Myth) ini mengambil peranan yang penting menghiborkan hati kanak₂, kerana dengan ini mereka mengambil tahu atau mendengar atau bertanya sa-suatu benda yang pelek yang di-lihat-nya, seperti cherita-cherita hantu dan dewa₂.

Pendek-nya, bahan yang di-tulis waktu mereka mula-mula boleh menulis, ia-lah :

- a) Dongeng dewa
- b) Cherita yang menakutkan, untok mendidek anak₂
- c) " berkenaan chara₂ hidup
- d) " berkenaan matahari/bulan/bintang
- e) " berkenaan mati dan hidup
- f) " berkenaan chinta berahi dsb-nya.

Kebanyakan dongeng₂ ini ada unsor₂ persamaan antara satu bangsa dengan bangsa lain; sebab terjadi persamaan ini, ia-lah kerana pengaruh keadaan 'alam sa-keliling. Mithal-nya : Orang Hindu perchaya dewa₂-nya berada di-kemunchak Gunong Maha Miru. Orang 'Arab dengan jin dan iblis-nya di-Bukit Kaf. Orang Yunani perchaya ada beratus₂ dewa-nya seperti Zeus, Apollo, Venus dan sa-bagai-nya di-kemunchak Olympus. Yang aneh-nya dewa₂ ini ada mempunyai perasaan seperti manusia juga, seperti chemburu, dengki dan khianat. Mithal-nya : Dalam cherita Dewi Venus (Dewi kechantekan) anak-nya Cupid di-suroh membunuh Dewi Psyche — dan terbit pula perchintaan antara Cupid dengan Psyche.

Dongeng₂ seperti ini kepunyaan manusia yang mempunyai seni. Di-Eropah ilham dari cherita₂ yang bagini ada-lah jadi bahan kesenian dan kesusasteraan kapada mereka.

Legend (dongeng sejarah): Cherita₂ seperti ini meliputi bahagian₂-nya yang terbesar seperti "Hikayat Hang Tuah", "Hikayat Awang Sulong Merah Muda" dsb-nya, kerana che-

rita ini di-sulam dengan 'adat isti'adat dan peratoran₂ dalam chara hidup sa-hari₂ serta juga di-dapati pantun₂ dan nyanyian. 'Adat₂ dalam cherita ini juga ada-lah menjadi bahan penulis dongeng asli.

PERKEMBANGAN KESUSASTERAAN DAN KESENIAN MELAYU SA-CHARA 'AM

Kebudayaan dan kesenian Melayu telah ada sa-belum datang-nya Hindu, ia-itu di-bawa daripada selatan negeri China (Yunnan) oleh puak-puak Deotro Malay. Kebudayaan dan kesenian mereka ini berchampur pula dengan kebudayaan/kesenian puak₂ Proto Malay yang mereka jumpai atau ta'aloki di-perengahan jalan. (Proto Malay datang lebeh dahulu daripada Deotro Malay). Kemudian baharu-lah datang orang₂ Hindu yang membawa kebudayaan-nya yang kemudian jadi tiruan dan anutan orang₂ Melayu. Pengaruh Hindu itu kekal di-'Alam Melayu sa-lama kira₂ 1300 tahun.

Kemudian kebudayaan Melayu menerima pula pengaruh lain ia-itu pengaruh Islam yang di-bawa oleh orang₂ 'Arab dan Parsi. Ketika itu suasana musharakat Melayu kekal dalam satu situasi yang berlainan pula; sunggoh pun bagitu, Islam tidak-lah bagitu lama memegang teraju kebudayaan dan kesenian di-'Alam Melayu, chuma sa-kadar 200 tahun sahaja (Dari abad XIII — XVI). Walau bagaimana pun pengaruh Islam itu sempat juga berakar umbi dalam kebudayaan Melayu.

Dalam abad ka-XVI datang pula orang₂ Barat ka-'Alam Melayu. Kebudayaan mereka pula mempengaruhi kebudayaan Melayu.

Jadi dengan pengaruh luar yang saling pengaruh mempengaruhi kebudayaan Melayu sa-chara sileh berganti itu, maka terjadi-lah kebudayaan Melayu sekarang ini berchampur baur.

Di-dalam keadaan yang demikian, maka terjadi-lah proses per-sebatian antara kebudayaan Melayu dengan unsur, atau "trait" kebudayaan asing. Di-dalam proses ini terjadi dua faktor, ia-itu :

- a) Penambahan
- b) Pergantian

PENAMBAHAN :


Tiap, kebudayaan yang baharu di-bawa itu, mana, yang sesuai di-terima dan di-sisipkan ka-dalam kebudayaan Melayu. Dengan ini kebudayaan Melayu sa-makin berkembang.

PERGANTIAN :

Kebudayaan yang baharu di-terima itu menggantikan tempat kebudayaan lama. Kebudayaan lama yang di-fikirkan ta' sesuai lagi, di-singkirkan.

Sa-bagai yang kita ketahui; dalam musharakat Melayu di-dapati fahaman, lama (Anamisma) yang susah hendak di-singkirkan, kerana sudah menjadi darah daging kita, biasa-nya fahaman Anamisma ini berkait rapat dengan keperchayaan, kemudian melekat jadi sa-bati serta di-sesuaikan dengan ke-adaan dan kemahuan musharakat, yang mana ta' dapat di-terima oleh musharakat di-singkirkan.

Supaya lebih di-mengerti meresap-nya kebudayaan asing itu ka-dalam kebudayaan Melayu, di-sini di-gambarkan resapan itu dengan rajah.



Sa-bagaimana di-terangkan di-atas tadi, unsur₃ kebudayaan Hindu telah bersebatu dengan kita hampir 1300 tahun. Oleh itu pengaruh-nya dalam kebudayaan kita sangat kuat.

Orang₂ Melayu zaman dahulu telah pandai mengukir, memahat batu, membuat periok daripada tanah liat, patong₃ yang di-pusakai daripada Hindu dan Buddha. Sa-terus-nya Hindu mendorong orang₂ Melayu mempelajari tarian, nyanyian dll. dengan tiada sekatan-nya. Dengan ini perkembangan unsur₂ Hindu itu bertambah luas lagi di-kalangan musharakat Melayu.

Bagitu juga perdampungan musharakat Melayu dengan Hindu sangat-lah rapat-nya. Dengan itu di-dapati berbagai₂ unsur₂ Hindu meresap ka-dalam kebudayaan dan musharakat Melayu, terutama mengenai hal₂ pakaian, makanan, 'adat isti-adat orang₂ Melayu.

Apabila datang pengaruh Islam, perkembangan kesusasteraan dan kesenian Melayu yang berunsur Hindu tadi tergendala. Segala ukiran₂ berbentuk rupa binatang, manusia semuanya di-musnahkan. Dengan hal yang demikian ahli₂ pengukir Melayu tiada lagi berani mengukir ukiran₂, kerana perbuatan ini di-anggap salah dari segi ajaran Islam.

Pendek kata, pengaruh Islam ini membantutkan kemajuan kebudayaan dari segi kesenian dan lain₂ unsur₂ kebudayaan yang telah di-pusakai turun-temurun itu.

Bentuk tarian pula, sukar hendak menghapuskan-nya, kerana ini dapat di-'amalkan sa-chara sulit; tambahan pula kebanyakan pengembang₂ agama Islam yang datang itu bukan-lah ahli agama yang sa-benar-nya; tetapi, ia-lah ahli perniagaan dan saudagar₂ yang ingin juga menari, untok hiburan. Jadi dengan itu tarian₂ yang dulu-nya berchorak Hindu di-ubah dengan memasokkan unsur₂ 'Arab/Parsi. Kesemua-nya ini akhir-

nya di-anggap tarian 'Arab/Parsi (tarian kebudayaan Islam) dan di-galakkan kepada pengikut₂-nya meng'amalkan-nya.

Biasa-nya permusnahan yang di-sebut di-atas tadi, mula₂-nya berlaku di-istana raja₂, kerana di-sini-lah pusat perkembangan pengaruh Islam.

Sa-lepas datang-nya Islam ini, maka datang pula pengaruh Barat yang juga telah menyalut kebudayaan Melayu, umpama di-dalam kehidupan orang₂ Melayu dari segi makanan, pakaian, sosial dan jentera₂ moden juga 'ilmu pengetahuan.

TULISAN MELAYU KUNO

Orang₂ Hindu telah membawa huruf₂ Winggi dari India ka-Jawa. Kemudian huruf itu di-pinda ka-dalam bahasa Jawa kuno seperti yang di-dapati di-batu₂ bersurat di-Kota Kapor, Talang Tuwo, Kedukan Bukit, Minye Tujoh dll.

Kemudian Islam membawa perubahan baharu kepada ke-susasteraan Melayu, ia-itu sa-lain daripada tulisan 'Arab/Parsi yang kemudian-nya di-persesuaikan dengan pelat Melayu, dan akhir-nya menjadi tulisan JAWI, pengaruh Islam juga melahirkan cherita₂ Hindu Tua dalam bentuk tulisan jawi. Islam juga telah membawa pengajaran falsafah kepada musharakat Melayu. Islam juga telah mengajar hal₂ yang bersangkutan dengan ajaran agama Islam dan kemudian-nya isi-isi pengajaran itu di-buku-kan.

Ketika pengaruh Islam meluas, segala cherita₂ Hindu Tua telah di-pandang tidak sesuai lagi pada musharakat Melayu yang beragama Islam. Oleh itu bagi mensesuaikan-nya, che-rita₂ Hindu itu telah di-pinda di-sana sini, seperti pelaku-pelaku Hindu kepada pelakun₂ Islam, umpama-nya nama Sang Yang Tunggal di-gantikan Allah. Betara Guru di-gantikan kepada nabi₂. Dewa₂ jadi mala'ikat atau jin dan iblis.

Sa-lain dari itu, Islam juga telah membawa cherita₂ baharu ka-dalam musharakat Melayu dari 'Arab dan Parsi, mithal-nya : Hik. Amir Hamzah, Hik. Mohd. Ali Hanafiah, Hik. Iskandar Dzulkarnain dll.

BAHAN ASLI

Dalam musharakat Melayu sendiri di-perchayai banyak bahan₂ kesusasteraan asli, saperti cherita₂ hantu, cherita₂ binatang, cherita dongeng dewa dll. Di-dalam cherita asli ini banyak di-dapati di-antara-nya yang lebeh tinggi daya fikiran yang di-sisipkan ka-dalam cherita₂ itu. Mithal-nya : Cherita Langsuyar, Pontianak dsb-nya. Ini dapat di-buktikan dari pendapat R. O. Winstedt, antara lain kata-nya : "Isi₂ cherita₂ Melayu lama tidak dapat di-anggap satu hasil sastera lagi, chuma yang boleh di-hetong hasil sastera, ia-lah fikiran₂ yang di-sisipkan dalam cherita₂ itu sahaja, kerana kebanyakan cherita-cherita itu penoh dengan fikiran₂ yang tinggi, yang boleh menjadi bahan, daya dan chara membentok budi pekerti, terutama untok kanak₂."

Sa-lain dari itu di-dalam kesusasteraan Melayu banyak di-dapati gubahan₂ indah saperti pantun, sha'er, peribahasa, seloka dan gurindam. Gubahan sa-macham ini mempunyai nilai₂ fikiran yang tinggi di-dalam-nya yang boleh memberi beberapa ajaran dan nasehat.

Satu lagi jenis kesusasteraan Melayu yang terawal dan di-perchayai terbit sa-belum orang Melayu tahu menulis, ia-lah TEKA-TEKI.

Teka-teki yang di-maksudkan di-sini, ia-lah teka-teki yang berupa timbal balas. Chontoh-nya :

- a) Gendang gendut tali kechapi.
Kenyang perut senang hati (Jawab-nya atau, maksud-nya).

- b) Siakap senohong gelama ikan duri.
Berchakap bohong lama₂ menchuri. (Maksud-nya).
Dan lain₂ lagi.

Akhir-nya daripada teka-teki ini-lah di-perchayai lahir-nya bentok pantun, sama ada dua kerat atau empat kerat dan sa-terus-nya.

Bagitu juga peribahasa (bidalan, pepatah, perbilangan, perumpamaan, petiteh), sebab kesemua-nya mempunyai segala sifat peribahasa. Mengenai pengertian dan tujuan serta chontoh₂-nya, sila lihat buku 'Ilmu Mengarang Melayu oleh Za'ba, ms. 174 — 209).

Mengikut penyelidekan R. O. Winstedt, peribahasa Melayu yang ada sekarang ini banyak menerima pengaruh asing, mithal-nya :

Dari India : Pagar makan padi.

Dari 'Arab : Habis sa-pasu minyak, ekor anjing ta'kan lurus.

Tetapi, sayang kerana R. O. Winstedt tidak memberikan hujjah₂ lanjut bagi menguatkan kenyataan-nya, maka tidak-lah dapat kita terima mentah₂ tanpa membuat penyelidekan teliti terlebih dahulu.

CHERITA₂ MERGASTUA

Ta' asing lagi pada kita, yang orang₂ Melayu itu dari semenjak zaman berzaman telah kenal kepada cherita₂ mergastua yang tersusun sa-olah₂ cherita₂ itu terjadi di-'alam kumpulan antara binatang₂.

Di-dalam cherita mergastua ini ternyata kepada kita, hampir semua bangsa (tidak ada kontak antara satu dengan lain) meski pun mengenal cherita₂ tua yang sama jenis-nya. Walau pun demikian tidak-lah dapat di-nafikan bahawa ada

di-antara jalan cherita dalam cherita₂ tua Melayu di-petek dari-pada satu puncha bahasa lain. Ini boleh kita asaskan kepada tawarikh orang₂ Melayu di-zaman dahulu yang terkenal sa-bagai satu bangsa yang ahli di-dalam pelayaran. Ta' dapat tidak mereka telah membawa balek cherita₂ tua yang di-tutorkan oleh orang asing yang mereka dampingi.

Di-sisi orang di-benua Hindi pada zaman dahulu telah ada tiga buah buku yang mengandongi perbagai-bagai cherita. Cherita itu yang tertua ia-lah Jataka. Panchatantra (di-susun dan di-kumpulkan kira₂ dalam T. M. 300, oleh sa-orang Brahmin), dan Katha Sarit Sagara (di-susun dalam K. M. XII).

Ada pun jenis cherita mergastua ini, walau pada apa bangsa pun, kita dapati bukan sahaja mencheritakan peri kebijaksanaan atau kepintaran sa-suatu binatang itu (sa-umpama berbagai-bagai cherita yang terdapat berkenaan pelandok atau Sang Kanchil itu), bahkan ada juga cherita₂ yang menjadikan binatang kecil dan lemah dapat mengechewakan binatang yang buas ganas serta tangkas.

Pada keselurohan-nya cherita₂ jenis ini sa-rupa sahaja di-sisi sa-suatu bangsa, sa-kadarkan berbedza tentang binatang yang mengambil bahagian di-dalam cherita itu di-sesuaikan pada pandangan bangsa itu.

Cherita mergastua ini kalau kita halusi, dapat kita bahagi₂-kan kepada beberapa bahagian, ia-itu :

- a) Binatang yang pandai bertutor saperti manusia. Mereka di-cheritakan ber'akal saperti manusia juga. Cherita jenis ini selalu mengelirukan kanak₂ untok memikirkan apa-kah betul binatang₂ itu pandai berkata₂. Cherita jenis ini banyak titek₂ persamaan-nya dengan cherita₂ di-bangsa lain.

- b) Kesah berpusat pada helah 'akal binatang yang kecil. Kebanyakan cherita₂ jenis ini bersambong-sambong. Tidak dapat di-tentukan yang mana cherita itu berasal dari 'Alam Melayu dan mana pula berasal dari asing.
- c) Panchatantera satu kumpulan cherita oleh sa-orang Brahmin. Cherita₂ itu banyak yang telah di-terjemahkan ka-dalam berbagai-bagai bahasa, seperti dalam bahasa Melayu yang di-terjemahkan oleh Munshi Abdullah pada T. M. 1835 dengan bantuan sa-orang Tamil yang bernama Tambi Mutu Barapatar.
- d) Katha Sarit Sagara (lautan cherita) di-susun oleh sa-orang yang berasal dari Kashmir bernama Sumedra dalam abad ke-XII.

Di-dalam jenis cherita mergastua ini yang tersangat terkenal ia-lah cherita Sang Kanchil. Peranan Sang Kanchil di-dalam cherita₂-nya boleh kita bahagikan kepada beberapa bahagian pula, ia-itu :

1. Kanchil mengalahkan binatang besar dan ganas. Kadang₂ ia tertipu oleh binatang yang lebeh kecil daripada-nya, seperti dalam cherita :
 - a) Pelandok menipu buaya menyeberang sungai.
 - b) " menipu kambing — keluar dari telaga.
 - c) " menipu binatang₂ suroh masuk lubang.
 - d) " dengan agas — pelandok kechewa.
 - e) " menipu bangau — di-atas kerak nasi.
2. Kanchil jadi hakim manusia/binatang :
 - a) Dalam pinjaman wang, bayar dalam tempoh 2 bulan.
 - b) Melepaskan kerbau daripada tawanan buaya.
 - c) Jadi hakim si-miskin dengan si-kaya.

Sa-lain daripada cherita₂ yang di-sebut di-atas, ada sa-jenis lagi cherita yang boleh kita masokkan ka-dalam kumpulan cherita₂ mergastua ini, ia-itu cherita bertali (clock-tales).

Cherita ini yang di-sajikan daripada satu cherita, men-cheritakan satu cherita lain. Cherita ini boleh di-dapati per-samaan-nya dengan cherita₂ orang Sham, Monk dan India.

Mengikut pendapat Winstedt, cherita jenis ini di-sador dari cherita bangsa lain. Bentok yang bagini ada di-dalam ke-susasteraan Benggali.

Kebanyakan cherita₂ bertali ini, mencheritakan hal₂ yang berkaitan antara binatang saperti, Harimau dengan Sang Kanchil, Bangau dengan Kerbau; tetapi yang mashhor ia-lah cherita Sang Kanchil dengan Anak Memerang. Cherita ini ada me-ngandongi fikiran₂ yang tinggi dan pengajaran yang baik.

CHERITA JENAKA

Sa-bagaimana mereka dapat menyusun pelbagai cherita₂ kejadian di-'alam binatang₂ hingga menerbitkan kumpulan che-rita₂ mergastua, bagitu juga dapat mereka itu menyusun ber-bagai cherita dengan jalan membesar₂kan pekerti sa-saorang manusia saperti tentang kelurusan, kebodohan, kecherdekan, ta-ma' dan suka berangan-angan; hingga terkumpul cherita-cherita jenaka.

Biasa-nya tiap₂ bangsa di-dunia ini ada mempunyai cherita₂ jenis ini, saperti bangsa Jerman dengan Eulenspiegel, 'Arab—Turki dengan Juha atau Khoja Nasraddin-nya, dan 'Arab—Parsi dengan Abu Nawas-nya. Jadi demikian juga orang₂ Me-layu dengan Pak Kadok, Pak Pandir, Pak Belalang, Si-lunchai, Mat Janin dan Musang Berjanggut-nya.

Sa-lain daripada itu ada juga di-dapati dalam bangsa Melayu cherita₂ jenaka yang menurut aliran cherita di-dalam Hikayat Mashhudul-hakk yang berasal daripada Hindi/Parsi dan Hikayat Abu Nawas.

Saperti cherita-cherita mergastua juga, cherita₂ jenaka sukar hendak di-tentukan tentang keaslian-nya; tetapi dapat di-perchayai bahawa cherita Pak Kadok dan Lebai Malang itu adalah hak Melayu asli, kerana tiada di-dapati persamaan-nya dengan cherita₂ bangsa asing.

Sa-bagai telah di-katakan ada di-antara isi₂ cherita jenaka Melayu kita ini sa-iras dengan jalan cherita bangsa asing, tegas-nya Hindu, umpama : Pak Pandir tentang sebab kematiannya itu kerana memakan pisang bakar yang maseh panas. Ini mengingatkan kita satu kejadian di-dalam Katha Sarit Sagara tentang sa-orang yang bersifat bebal meluloh beras sa-genggam. Akhir-nya ia terpaksa di-ubati sa-orang tabib.

Bagitu juga di-dalam cherita Si-lunchai, bukan sahaja jalan cherita-nya sa-iras dengan sa-tengah₂ cherita yang terkandung dalam ketiga-tiga hikayat tua Hindu (Jataka, Katha Sarit Sagara, Panchatantera) bahkan ada pula yang menyerupai jalan cherita hikayat 1001 malam dan cherita₂ yang ada di-sisi bangsa Singhales di-Ceylon, dan Sudan di-Afrika. Bagitu juga cherita Pak Belalang itu (Pak Belalang menggenggam belalang) mengingatkan kita kepada satu kejadian di-dalam Katha Sarit Sagara yang menggenggam katak.

Di-dalam cherita Mat Janin pula, ya'ani cherita tentang akibat orang yang suka berangan-angan, ada di-dapati persamaannya di-dalam hikayat Panchatantera, Hitopadesa dan hikayat 1001 malam.

Cherita ini (Mat Janin) ada dua bentok. Satu ia-lah sa-bagaimana yang kita ketahui ya'ani cherita angan₂ kesah memanjat pokok kelapa. Satu lagi terkandung di-dalam cherita

yang kelima dalam hikayat Kalilah Daminah terjemahan Abdullah Munshi T. M. 1835.

Di-antara cherita₂ jenaka Melayu yang amat menggelikan hati ia-lah cherita Musang Berjanggut. Bentuk cherita ini berlainan dari bentuk cherita₂ jenaka yang baharu di-sebutkan di-atas tadi. Cherita ini tidak mementingkan fe'el sa-saorang bagi menyalorkan kejenakaan-nya. Tetapi yang menggelikan hati di-dalam cherita ini ia-lah tentang hal-hal kejadian dan jalan cherita-nya.

Jalan cherita seperti dalam cherita Musang Berjanggut ini ada juga di-dapati persamaan-nya sedikit₂ dengan cherita dalam hikayat Hindi seperti dalam Hitopadesa, Katha Sarit Sagara, Suka Saptati, dan Panchatantera; tetapi yang hampir sekali ia-lah dengan satu cherita orang Singhales.

Pada keselurohan-nya, cherita jenaka yang di-dapati dalam musharakat Melayu boleh-lah di-bahagikan kepada tiga bahagian, ia-itu :

1. Kumpulan cherita yang timbul dalam musharakat kita sendiri, untok musharakat kita sendiri, seperti Lebai Malang, Pak Kadok.
2. Cherita dalam musharakat kita yang mempunyai persamaan banyak dengan cherita₂ asing, sa-hingga boleh di-kesan-kan pada cherita₂ asing, seperti : Si-lunchai, Pak Belalang (mungkin cherita₂ asing ini telah di-persesuaikan dengan musharakat Melayu).
3. Cherita asing yang di-bawa menerusi ugama Islam oleh pengembang₂ ugama Islam yang belum lagi berubah chorak-nya. Mithal-nya : Cherita Abu Nawas, Mashhudul-hakk dan 1001 malam (cherita₂ ini maseh di-anggap sa-bagai cherita asing lagi).

CHERITA, DONGENG — CHERITA TUA (FOLK TALES)

Cherita₂ dongeng atau cherita₂ tua itu boleh di-bahagikan kepada dua bahagian ia-itu :

1. Cherita₂ tua yang kebanyakan-nya belum lagi di-bukukan hingga sekarang, kalau di-bukukan pun hanya baharu sejak kira₂ 40 hingga 50 tahun yang lalu sahaja oleh orang Inggeris. Cherita₂ ini kekal di-mulut pencherita-nya beberapa lama, di-cheritakan dengan bahasa yang lebeh halus, saperti cherita₂ Pawang Ana dan Mir Hasan.
2. Cherita tua yang telah di-bukukan oleh orang Melayu sendiri, ia-itu beratus₂ tahun dahulu (sa-lepas kedatangan ugama Islam dengan huruf 'Arab/Parsi).

Di-antara cherita₂ yang banyak jumlah-nya itu ia-lah cherita yang telah di-cheritakan oleh Pawang Ana dan Mir Hasan. (Cherita₂ yang mempunyai chorak yang berkechuali, kerana kedua-dua penglipor lara itu berasal daripada Minangkabau pada hal cherita₂ di-sabelah utara Malaya kebanyakan berunsor dari Siam dan di-sabelah selatan Malaya berunsor kejawaan. Sunggoh pun demikian, pada keselurohan-nya gaya bahasa dalam cherita ini ada-lah sama).

Di-antara cherita₂ yang di-cheritakan oleh Pawang Ana dan Mir Hasan ada 11 buah cherita yang telah di-bukukan sa-belum perang (T. M. 1880) ia-lah :

- a) Hikayat Awang Sulong Merah Muda
- b) " Malim Deman
- c) " Malim Dewa
- d) " Raja Muda
- e) " R. Donan
- f) " Raja Embong
- g) " Seri Rama
- h) " Parang Puting.

Kalau di-bacha lebih daripada sa-buah cherita yang di-tutor-kan oleh Pawang Ana dan Mir Hasan, maka terdapat beberapa sifat umum yang bersamaan di-antara cherita₂ itu.

Di-antara sifat₂ umum itu ia-lah :

- a) Tentang gaya cherita, dan bahasa-nya.
- b) Tentang sajak₃, seloka₃, gurindam dan lain₂ bentuk puisi.
- c) Tentang latar belakang (Setting):
 1. Nama orang.
 2. Nama tempat.
 3. Gambaran 'alam.

Juga di-dalam cherita₂ yang tersebut boleh juga kita dapati sifat atau bahagian₂ yang realistik, umpama :

1. Lukisan di-dalam rumah tangga.
2. Pakaian anak₂ raja dengan kesaktian.
3. Lukisan gambaran istana.
4. Gurindam₂ yang membayangkan satu₃ situasi yang tertentu, seperti : 'Alamat hari nak siang, pemandangan atau keadaan masa di-adakan satu₂ temasha yang tertentu.

Kalau kita halusi cherita₂ tua Melayu itu, kelak di-dapati beberapa motif di-dalam-nya, terutama motif₂ Hindu/Buddha, 'Arab/Parsi dan motif tempatan.

Chontoh Motif Hindu :

1. Dalam hikayat Seri Rama : Di-cheritakan perbuatan men-chebor diri di-dalam api, sayembara, senjata sakti, seperti panah pedang dan sa-bagai-nya.

2. Dalam hikayat Hang Tuah : Hikayat Raja Kerang, Indera Bangsawan : Di-cheritakan idaman yang pelek₂ yang dikehendaki permaisuri raja yang mengandong.
3. Dalam hikayat Hang Tuah, Raja Muda, Hikayat Si-miskin : Di-cheritakan ramalan ahli₂ nujum tentang sa-saorang anak raja yang baharu lahir. Bagitu juga kesaktian dan kegagahan yang berlebihan pada pelaku utama dalam cherita₂.
4. Dalam Dandan Setia, Selendang Delima, Gul Bakawali, Marong Maha Wangsa : Di-cheritakan kesah negeri di-langgar geruda.
5. Dalam Malim Deman : Di-cheritakan puteri kayangan menghanyutkan rambut dalam batil emas (setting ini terdapat di-dalam cherita Tamil).

Chontoh₂ Motif Buddha :

1. Gajah putih menentukan sa-saorang untok ganti raja yang telah mangkat. Ini terdapat di-dalam hikayat Marong Maha Wangsa.
2. Peristiwa 'alam yang luar biasa, saperti, hujan panas, kilat sabong-menyabong, alat bunyi₂an berbunyi dengan sendiri ketika sa-saorang anak raja yang sakti di-lahirkan. Ini terdapat dalam hikayat Malim Deman, Awang Sulong Merah Muda, Malim Dewa, Raja Donan, Hikayat Bakhtiar.
3. Kematian ibu bapa sa-telah anak-nya lahir. Ini terdapat dalam hikayat Awang Sulong Merah Muda.
4. Lahir-nya anak sakti bersama-sama dengan beberapa benda yang kemudian-nya akan menolong ia juga, umpama :
 - a) Anak lahir bersama sa-ekor naga, saperti, dalam hikayat Raja Budiman. Shah Peri lahir dengan anak panah dan Indera Bangsawan lahir dengan pedang dalam Indera Bangsawan. Raja Muda lahir dengan sa-ekor kerbau, binatang laut dan tiga biji kelapa dalam hikayat Raja Muda.

Chontoh Motif 'Arab/Parsi (Islam):

1. Menaiki borak. Ini terdapat dalam hikayat Malim Deman (Mungkin asal-nya daripada burung jentayu).
2. Dalam hikayat Indera Putera : Penjelmaan puteri menjadi bunga, Lela Nor membacha cerita baginda Shah 'Alam. Sa-orang raja dewa yang akhir-nya menjadi sa-orang 'alim (Islam). Beristeri empat dan bergelar sultan.
3. Dalam Indera Putera : Perihal dalam taman Malim Indera, Maharaja Puteri Datya Pati Sfiat Alauddin Shah.
4. Dalam hikayat Parang Puting : Di-cheritakan sa-ekor burung daripada sepah tuan puteri. Burong itu terbang ka-Juddah untok menjemput tuan puteri — kerana Raja Muda ta' mahu kahwin dengan-nya. (mengikut Winstedt : Di-cheritakan penjelmaan sa-ekor burung daripada sepah tuan puteri. Burong itu terbang ka-Juddah untok menjemput datok-nya, kerana Raja Muda ta' mahu kahwin dengan-nya).
5. Sa-lain daripada itu ia-lah perkara yang bersangkutan dengan ugama Islam, saperti : Tahlil, Ratib, dan sa-bagai-nya.

KEDATANGAN HINDU

Kebanyakan cherita₂ tua Melayu tidak-lah terlepas daripada pengaruh₂ Hindu. Kerana pengaruh Hindu itu menjalar di-dalam kehidupan dan kebudayaan Melayu hampir 1300 tahun, sa-bagaimana yang telah di-sebutkan di-dalam bab yang lalu.

Di-dalam chatetan orang China ada mengatakan perhubungan perniagaan 'Alam Melayu dengan India telah sedia terjalin semenjak sa-belum tahun masehi. Bukti-nya : Di-Kedah, Beruas (Perak) dan di-Indo-China di-dapati rumah₂ berhala be-
naan orang₂ Pallava bertarikh K. M. IV.

Bahasa yang di-gunakan mereka tetap-lah bahasa Sanskrit untuk mengembangkan hal yang berhubung dengan ugama dan istana. Dalam perhubungan hari₂ mereka menggunakan bahasa PRAKRIT.

Orang Pallava datang ka-Jawa dan Sumatera dengan membawa tulisan-nya ia-itu tulisan Winggi yang kemudian-nya terjadi tulisan Kawi yang terbit dalam abad VIII. Tulisan ini hapus pada kira₂ K. M. XIV.

Di-antara cherita₂ yang di-tuliskan dalam huruf Kawi yang mashhor ia-lah hikayat Ramayana, yang telah di-salin ka-dalam bahasa Jawa kuno oleh sa-orang pujangga yang memakai nama samaran Yogiswara dalam T. M. 925. Sa-lain dari itu lebeh kurang dalam T. M. 1000, Dharmawangsa telah menyuroh sa-linkan kitab Mahabharata ka-bahasa Jawa kuno.

Dalam T. M. 1157 pula pengarang dua beradek, ia-itu Empu Sedah dan Empu Penuloh telah menchipta Bharatayuddha dalam bentok puisi (Salinan hikayat ini dalam bahasa Melayunya di-namakan Hikayat Perang Pendawa Jaya) dan banyak lagi sa-bagaimana yang tersebut di-dalam buku Sejarah Kesusasteraan Melayu I oleh Samad Ahmad, ms. 43 — 44.

Pada abad ka-VIII hingga abad IX bangkit Raja Pala (Pala Dynasty) dari Banggala dan mereka datang membawa tulisan NAGARI; tetapi maseh menggunakan bahasa Sanskrit dalam urusan ugama dan istana. Mereka mengembangkan ugama Buddha Mahayana. Bukti-nya :

- a) Di-Jawa, Sumatera, Kemboja dan Perak di-dapati patong₂ Buddha yang mempunyai tangan lapan dan ada pula pengawal-nya.
- b) Di-Kedah dan di-Jawa di-dapati kepingan batu₂ dan tanah liat yang bertulis bentok huruf NAGARI dalam bahasa Sanskrit.

Pada abad XI, datang pula orang Chola dari pantai CO-ROMANDEL menyerang jajahan India di-⁴Alam Melayu. Dengan sebab itu banyak perkataan Sanskrit jati dan Sanskrit Tamil meresap dalam persuratan Melayu (Kebanyakan perkataan Sanskrit Tamil itu di-gunakan dalam lapangan pelayaran dan perniagaan dan sedikit₂ dalam lapangan lain).

SEJARAH HIKAYAT SERI RAMA

Hikayat ini berasal daripada epos Hindu ia-itu daripada kitab Ramayana (yang bererti: Kesah Rama). Kitab ini mengandongi 24,000 seloka. Tiap₂-nya ada 32 suku kata dan di-susun sa-lama 400 tahun (daripada 200 tahun sa-belum masehi hingga 200 tahun sa-sudah masehi).

Mengikut pendapat sarjana₂, cherita Seri Rama Melayu ini tidak di-terjemahkan daripada kitab Ramayana, kerana ada beberapa perubahan dan pindaan yang terdapat di-dalam-nya.

Boleh jadi cherita Seri Rama ini, kekal di-mulut orang₂ Melayu beberapa lama sa-hingga datang ugama Islam baharu-lah di-bukukan dan di-sesuaikan dengan keadaan musharakat Melayu yang berugama Islam.

VERSI (Version) Seri Rama yang menjadi bahan kajian sarjana₂, ia-lah :

- a) Ramayana klasik susunan Valmiki.
- b) Seri Rama Van Esinga (T. M. 1843).
- c) " " Bodliean (T. M. 1633).
- d) " " yang di-tutorkan Mir Hasan.
- e) Cherita Rama dari Mahabharata.
- f) Cherita Rama dari Bhagava Purana.
- g) Seri Rama daripada Banggali dan Panjab.
- h) " " daripada Petani.

Ahli₂ sarjana telah mengkaji versi₂ yang di-atas; mereka dapati banyak perbedzaan antara satu dengan lain, baik yang lama atau pun yang baharu.

Mereka berpendapat bahawa cherita Seri Rama dalam Mahabharata itu ada-lah lebeh asli daripada Ramayana susunan Valmiki itu. Sa-tengah daripada perbedzaan itu, ia-lah :

- a) Ibu Seri Rama dalam Mahabharata di-sebut MANA, manakala dalam Ramayana Melayu (Bodliean) di-sebut SUMA.
- b) Dalam Ramayana Valmiki di-katakan Ravana mati ia-lah kena panah Rama di-dada-nya. Dalam Mahabharata di-katakan pula anak panah Rama membakar Ravana dengan kenaikan-nya sekali.
- c) Dalam Seri Rama Bodliean ada dua babak yang penting yang ta' terdapat dalam Seri Rama Valmiki, ia-itu :
 1. Peristiwa kipas di-atas dada Sita Dewi yang ada gambar Ravana. Seri Rama chemburu dan menghalau Sita Dewi dari istana. Kesah ini ta' terdapat dalam Seri Rama Valmiki. Peristiwa ini hanya munchul sa-lepas abad XII sahaja, dan dapat di-bacha dalam versi Seri Rama yang lain.
 2. Perkaitan Rama dengan Visnu ta' terdapat dalam Seri Rama Valmiki, hanya sa-lepas abad XII baharu di-dapati.
 3. Yang menarek perhatian sangat₂ ia-lah Seri Rama Mir Hasan, di-katakan-nya Hanuman berkahwin dan akhir-nya sarong-nya di-bakar oleh tuan puteri (isterinya), sedang versi lain tidak ada menyebut hal ini.

Hendak-lah di-ingati, bahawa pada masa dulu orang Brahmin sahaja yang tahu membacha dan menulis. Jadi, tersebar-lah cherita Seri Rama ini dengan chara lisan. Dengan itu ta' dapat tiada terjadi-lah proses penambahan dan perubahan.

Bukan sahaja di-'Alam Melayu terjadi-nya tambah-menambah ini, bahkan di-India juga.

Kedua₂ cherita Seri Rama (Bodlican dan Van Esinga) ada-lah di-ambil daripada cherita mulut, dan di-perchayai dari satu puncha. Ada di-dapati unsur₂ tempatan di-dalam cherita Seri Rama Melayu dan di-tambah dengan bahan dari India (Utara, barat, barat daya, dan selatan India) di-champor adokkan di-dalam cherita Seri Rama Melayu. Jadi, Seri Rama Melayu lebeh kaya lagi bahan cherita-nya daripada Seri Rama di-India.

Di-Tanah Melayu khas-nya, senang sahaja cherita Seri Rama itu di-hebahkan dengan chara lisan, sebab negeri kita ini ta' luas, tambahan pula kita orang Melayu zaman dahulu berkediaman di-tepi laut dan sungai sahaja. Jadi, dengan sebab itu-lah Seri Rama Melayu lebeh subur.

Perbedaan Seri Rama Melayu dengan Seri Rama Jawa sangat-lah jauh. Oleh sebab Seri Rama kita banyak persamaan dengan Seri Rama India, maka banyak-lah sarjana₂ berpendapat, cherita Seri Rama Melayu datang-nya dari India terus dan bukan melalui Jawa. Ada juga cherita yang datang dari Jawa ia-itu saperti cherita Sang Boma dan Bharatayuddha atau di-kenal juga dengan nama hikayat Perang Pendawa Jaya atau, Perang Pendawa Lima.

Van der tuuk berpendapat, cherita Sang Boma dan Bharatayuddha itu ia-lah berasal daripada cherita-cherita yang ada pada Jawa yang terkarang dalam bahasa Jawa kuno bertulisan kawi.

BILA-KAH MASA-NYA SERI RAMA INI DI-TULIS

Di-agakkan sa-awal₂-nya dalam abad yang ke-XV, ia-itu sa-lepas Islam bertapak di-'Alam Melayu. Bersama hikayat ini di-tulis juga hikayat₂ yang berunsor Islam saperti hikayat Amir Hamzah, Muhammad Ali Hanafiah dan Iskandar Dzul-

karnain sebab bahasa-nya ta' jauh perbedzaan-nya. (Dalam Sejarah Melayu ada tertulis tentang pembacaan hikayat Amir Hamzah dan hikayat Muhammad Ali Hanafiah pada masa Melaka di-serang Portugis dalam T.M. 1511). Oleh sebab bahasa-nya ta' jauh perbedzaan-nya, maka dapat-lah kita mengagakkan hikayat Seri Rama ini di-tulis dalam satu zaman dan satu tempat ia-itu di-agakkan di-Melaka.

Sa-takat yang di-ketahui tidak ada cherita Hindu yang di-tulis sa-belum Islam datang ka-'Alam Melayu. Kebanyakannya di-tulis sa-lepas Islam sampai ka-'Alam Melayu.

Bahkan ada di-antara hikayat₂ itu yang mempunyai unsur₂ Islam dan perkataan 'Arab di-dalam-nya. Islam datang ka-'Alam Melayu dengan membawa tulisan Jawi (pada abad ke-XIII). Sayugia di-ingat, tulisan jawi ini ta'-lah dapat masok dengan serta-merta dalam musharakat Melayu, sebab tulisan dan ugama Islam ada-lah perkara baharu, lagi pun 'alim ulama' ta'-lah mahu menulis cherita₂ yang berbau Hindu dalam tulisan jawi. Jadi, orang yang menulis cherita Seri Rama itu mungkin penglipor lara yang ta' kuasa menutorkan, mungkin juga orang di-istana yang menulis-nya atas perintah raja atau sultan.

Walau bagaimana pun cherita Seri Rama yang di-ketahui ada-lah bertarikh T.M. 1633 ia-itu naskhah Archbishop Loud yang tersimpan di-Bodleian Library, Oxford University.

Dalam sa-buah kitab yang bernama Siratol Mustakin, chip-taan Shikh Nuruddin Al-Raniri pada T.M. 1634, ada tertulis yang bermaksud bagini: "Kalau ta' ada perkataan ALLAH TA'ALA di-dalam sa-suatu cherita saperti hikayat Seri Rama, maka wajib buku itu boleh di-gunakan untok mengesat najis." Jadi, dengan ini nyata-lah bahawa hikayat Seri Rama itu sangat mashhor di-kalangan orang Melayu di-zaman itu.

Sa-lain daripada itu mengikut pendapat Winstedt, bahawa : Hang Tuah sendiri masa kecil mengagongkan Laksamana. Seri Rama di-anggap sa-bagai lambang ketinggian dan kehormatan. Laksamana sa-orang yang ta'at kapada raja-nya. Hang Tuah dalam Sejarah Melayu sama peranan-nya dengan Laksamana dalam Seri Rama. Ini membuktikan Hikayat Seri Rama itu telah mashhor pada zaman itu.

“Laksamana-lah lawan-ku”, kata Hang Tuah dalam Sejarah Melayu dan dalam hikayat Hang Tuah sendiri. Gubahan ini terdapat dalam hikayat Seri Rama dan Mahabharata dan terdapat juga dalam hikayat Raja₂ Pasai. Gubahan ini mungkin di-ambil daripada kesusasteraan Hindu dan mungkin penulis-nya gemar akan gubahan ini. Ini satu lagi bukti yang hikayat Seri Rama itu mashhor pada zaman itu.

Sa-masa Hang Tuah pergi ka-Majapahit bersama Sultan Mansor Shah kerana meminang puteri Ratu Majapahit, maka terjadi kegemparan di-kalangan perempuan₂ Jawa apabila melihat Hang Tuah : Ada gadis₂ yang meninggalkan kerja-nya, perempuan yang menyusukan anak, meninggalkan anak-nya, perempuan di-atas ribaan suami-nya, meninggalkan suami-nya, ada yang di-kerabat pagar. Semua-nya kerana hendak melihat Hang Tuah.

Kata Winstedt : Apa sebab gambaran bagini terdapat dalam hikayat Hang Tuah ? Jawab-nya : Orang Melayu sudah mengenal Cherita Seri Rama dahulu sa-chara lisan. Gambaran ini pun mereka sudah tahu dari Seri Rama. Jadi gambaran yang sa-demikian pun di-bukukan ka-dalam cherita₂ Melayu tua saperti hikayat Melayu yang di-terjemahkan daripada bahasa Jawa kuno, dan India.

Tempat cherita Seri Rama ini di-tulis, di-agakkan ia-lah di-tempat pusat perdagangan atau tempat orang ramai berhimpun. Harus orang Jawa yang bermastautin di-Melaka yang menulis cherita ini. Di-anggap cherita ini di-tulis di-istana sultan Melaka,

kerana Melaka pada masa itu sangat mashhor kerana perdagangannya, sebab di-katakan orang Jawa yang menulis-nya ialah kerana di-dapati beberapa motif Jawa di-dalam-nya.

SADIKIT CHATETAN LAGI TENTANG SERI RAMA

Sa-lain di-Tanah Melayu, di-Jawa di-dapati juga Seri Rama. Ada ukiran Seri Rama di-Chandi Lara Jongrang dalam abad X, tanda yang sa-habis tua sekali yang mempunyai dua motif cerita, ia-itu :

- a) Sita Dewi di-larikan Ravana.
- b) Sita Dewi di-selamatkan Seri Rama dengan pertolongan Hanuman.

Ta' lama daripada itu sa-orang penya'er yang bernama Yogiswara telah menterjemahkan Ramayana ka-tulisan kawi dalam bahasa Jawa kuno, ia-itu dalam T. M. 925.

Sa-lain daripada itu di-dapati lagi satu ukiran di-Chandi Panataran. Ukiran ini bermotif wayang kulit.

Berabad₂ sa-lepas itu apabila orang ta' faham lagi tulisan kawi, maka Seri Rama di-terjemahkan pula ka-dalam tulisan Jawa baharu dan di-beri nama Sarit Kanda atau Rama Keling.

WAYANG KULIT SA-BAGAI PENYEBAR SASTERA

Mula-nya wayang kulit di-mainkan ada-lah kerana hal₂ yang bersangkutan dengan keperchayaan kapada roh dato' nenek moyang, semangat dan lain₂ yang berkait rapat dengan jiwa halus. Mithal-nya : Untuk turun ka-sawah dan meminta rahmat dari penunggu₂, roh datok nenek moyang supaya mereka terselamat daripada bahaya, maka di-mainkan wayang kulit yang mengkesahkan Methologi₂ mereka.

Apabila pengaruh Hindu datang membawa agama dan kepercayaan Hindu dan dewa, yang berasaskan kitab Mahabharata dan Ramayana, (oleh sebab orang Jawa telah terpengaruh dan menganuti agama Hindu), mereka memainkan cerita Hindu itu pula.

Sayugia di-ingatkan, bahawa kerajaan Seri Wijaya dan kerajaan Majapahit telah bergabung. Dengan hal yang demikian kedua-dua kerajaan ini telah menyebarkan da'ayah tentang kebesaran kerajaan mereka dengan menggunakan wayang kulit. (Kerajaan Seri Wijaya dan Majapahit mempunyai jajahan ta'alok sampai ka-Tanah Melayu dan Cambodia).

Biasanya bahan sastera yang sering dimainkan ialah bahan Jawa asli seperti Cerita Panji, dan cerita Hindu daripada Mahabharata dan Ramayana. Cerita Islam boleh dikatakan ta' ada langsung dimainkan. Pendek kata pengaruh Islam nipis sekali dalam wayang kulit.

CHERITA PANJI

Di-satu masa dahulu orang Melayu sangat gemar kepada cerita yang datang dari Jawa. Oleh sebab sa-bilangan besar di-antara cerita ini, sama ada yang berbentok hikayat mau pun berbentok sha'er, banyak aliran yang sa-akan sama sahaja jalan cerita-nya, boleh-lah kita jumlahkan cerita ini ka-dalam satu kumpulan yang di-namakan cerita Seri Panji.

Ada pun aliran cerita Panji ini menyalorkan kesah berkenaan riwayat perchintaan antara Seri Panji (Raden Inu Kerta Pati) putera raja Jenggala (Kuripan) dengan tunangan-nya Raden Galoh Chendera Kirana, adek sa-pupu-nya (Puteri raja Daha 'Kadiri').

Cherita-nya berkisar pada empat kerajaan di-Pulau Jawa, ia-itu Kuripan, Daha, Gegelang dan Singasari. Di-istana kerajaan ini-lah cerita itu berlaku.

Ada pun cherita₂ Panji ini bukan-lah di-sador daripada cherita₂ Hindu seperti hikayat Seri Rama, hikayat Perang Pendawa Jaya, hikayat Sang Boma. Cherita Panji ini bersifat sa-bagai cherita Jawa asli.

Di-zaman keagongan kerajaan Majapahit (T. M. 1294 — berakhir lebih kurang 200 tahun) maka di-zaman ini-lah terbit-nya cherita₂ Panji ini. Sa-sungguh-nya di-zaman itu bukan kuasa politik kerajaan Majapahit itu sahaja yang terasa kesannya di-'Alam Melayu; bahkan pengaruh kebudayaan dan kesusasteraan-nya pun telah mendapat tempat yang utama.

Demikian-lah hal-nya cherita₂ Panji itu telah tersebar dengan luas-nya hingga berkembang lantasi ka-negeri Siam dan Cambodia dengan perantaraan wayang kulit.

Kerajaan Majapahit menda'ayah kebesaran-nya melalui cherita₂ Panji dan wayang kulit. Pada zaman itu orang₂ Jawa banyak yang bermastautin di-Melaka. Mereka-lah yang membawa cherita₂ Panji ka-sini. Wayang kulit di-Melaka masa itu ada-lah sa-bagai hiburan sa-mata-mata bagi mereka.

Oleh sebab popular-nya cherita₂ Panji, maka kita dapati pengarang Sejarah Melayu dan hikayat Hang Tuah terpengaruh dengan Cherita₂ Panji itu. Mithal-nya: Dalam Sejarah Melayu ada di-nyatakan tentang perkahwinan antara Sultan Mansor Shah Melaka dengan puteri Ratu Majapahit, Raden Galoh Chendera Kirana. (Telah di-siasat pakar sejarah Belanda, ta' ada bukti yang di-dapati mengatakan Sultan Mansor Shah mengahwini puteri itu).

Kalau kita kumpulkan cherita₂ Panji ini, semua-nya ada 40 buah cherita yang mempunyai thema yang sama hanya yang sadikit₂ sahaja berlainan. Sa-tengah daripada nama cherita₂ Panji itu boleh di-perhatikan dalam buku Sejarah Kesusasteraan Melayu I oleh Samad Ahmad, ms. 74.

Yang mashhor sekali di-antara cherita₂ Panji ini ia-lah Hikayat Panji Semarang. Cherita₂ Panji yang lain yang mempunyai jalan cherita yang sama dengan Hikayat Panji Semarang ini, ia-lah Hikayat Kuda Panji Semarang, Hikayat Dalang Indera Kesoma, Hikayat Mesa Lara Kesoma Chabut Tunggal. Cherita₂ Panji ini ada di-dalam bentok prosa dan ada pula yang di-dalam bentok puisi, seperti Sha'er Ken Tambohan, Sha'er Panji Semarang, Lelakon Mesa Kumetar dan Surat Gamboh.

Meski pun telah di-sebutkan dalam bab ini, bahawa cherita Panji sedia berasal dari Jawa; tetapi jalan cherita-nya ada juga di-dapati bahagian₂-nya sa-iras dengan jalan cherita hikayat₂ tua Hindu. Chontoh-nya :

- a) Rama ada-lah penjelmaan Visnu. Bagitu juga Panji.
- b) Sita Dewi kahwin dengan Rama, sa-pupu. Panji kahwin dengan Raden Galoh Chendera Kirana, sa-pupu juga.
- c) Ravana memerentahkan sa-orang raksaksa menjadi kijang emas. Dalam Chekil Waning Pati pula di-cheritakan pula Betara Kala membuang sa-bentok chinchin yang menjelma menjadi kijang emas dan kijang emas itu di-kehendaki Raden Galoh — dan orang yang boleh menangkap-nya ia-lah Raden Inu sendiri.
- d) Dalam cherita Hindu di-katakan burong jentayu menolong menyelamatkan Sita Dewi yang di-larikan Ravana. Dalam Chekil Waning Pati, saudara Panji menyerupakan diri-nya sa-bagai burong jentayu dan menerbangkan Raden Galoh kapada tempat yang selamat.
- e) Dalam cherita Hindu, Seri Rama menghalau Sita Dewi sebab peristiwa kipas yang terlukis gambar Ravana. Dalam Chekil Waning Pati Raden Inu sendiri menghalau Raden Galoh, bila ia berjumpa lukisan sa-orang laki₂ di-bawah bantal Raden Galoh.

RENGKASAN CHERITA PANJI SEMERANG

Kesah ini terjadi di-Jawa Timor, di-lengkongan tiga orang raja yang bersaudara, i a - i t u Raja Kuripan, Raja Daha, Raja Gegelang. Raja Kuripan berputera sa-orang lelaki yang di-beri nama Raden Inu Kerta Pati. Ia sa-orang yang gagah dan tampan.

Ratu Daha berputeri dua orang, sa-orang Raden Galoh Chendera Kirana (anak permaisuri) dan sa-orang lagi Raden Galoh Ajeng (anak gundek dengan Paduka Liku) dengan Maha Dewi, raja yang tidak berputera.

Raden Inu Kerta Pati di-tunangkan dengan Raden Galoh Chendera Kirana; tetapi Paduka Liku diam₂ berusaha supaya Raden Inu berkahwin dengan anak-nya Raden Galoh Ajeng. Hati-nya sungguh busok dan ia merachun ibu Raden Galoh Chendera Kirana. Walau pun hal ini di-ketahui Ratu Daha tetapi ia ta' sampai hati menghukum Paduka Liku, kerana telah di-beri guna₂ dengan pertolongan menteri (saudara-nya Paduka Liku).

Raden Galoh Ajeng tahu yang ayah-nya sayang kapada-nya. Pada suatu hari kerana so'al boneka kiriman dari Kuripan, timbul-lah perselisihan antara-nya dengan Raden Galoh Chendera Kirana. Ratu marah pada Raden Galoh Chendera Kirana lalu menggunting rambut anak-nya itu. Raden Galoh sangat sedeh dengan perbuatan ayah-nya itu, lalu mengembara sa-bagai sa-orang lelaki dengan memakai nama Panji Semerang Asmarantaka. Ia pergi dengan di-iringi oleh sakalian pengawal-nya, semuanya berganti pakaian lelaki. Mereka keluar dari kota Daha sa-chara diam₂. Dalam pengembaraan ia melakukan samunan barang di-mana sahaja. Hal ini menakutkan raja₂ jiran. Ketika utusan dari Kuripan lalu di-situ hendak menuju ka-Daha, habis di-rampas-nya dengan syarat akan di-kembalikan segala rampasan itu kalau Raden Inu Kerta Pati sendiri menjemput-nya.

Raden Inu datang. Dengan itu terjadi satu peperangan yang maha hebat, berakhiran perdamaian, kerana kuda mereka kedua-duanya ta' mahu di-gertak. Akhir-nya Raden Inu tahu bahawa lawan-nya itu ia-lah tunangan-nya. Raden Galoh paksa Raden Inu pergi ka-Daha dan mengahwini Raden Ajeng. Sa-telah kahwin, Raden Inu tinggalkan Daha pergi menchari Raden Galoh Chendera Kirana.

Sa-telah banyak hal₂ yang di-'alami Raden Inu baharu-lah ia bertemu dengan Raden Galoh. Ia berkahwin dengan Raden Galoh Chendera Kirana dan Raden Galoh Ajeng di-kahwinkan dengan anak raja Gegelang yang bodoh dungu.

Paduka Liku mati kerana bersedeh hati, sedang menteri saudara-nya itu mati di-sambar petir.

LAIN₂ CHERITA JAWA ASLI

Sa-lain daripada cherita₂ Panji yang di-sebutkan kesah-nya di-atas tadi, ada satu lagi cherita Jawa asli yang terbit-nya di-zaman perkembangan kerajaan Majapahit juga. Cherita itu ia-lah cherita Damarwulan nama-nya. Cherita ini amat terkenal dalam kesusasteraan Jawa.

Cherita ini mengkesahkan peri peperangan antara Blambangan dengan Majapahit, ia-itu antara Menak Jingga dengan Ratu Kenchana Wungu. Peperangan ini berakhir dengan Damarwulan datang membantu Ratu Kenchana (kerajaan Majapahit) yang dapat mengalahkan Menak Jingga.

Cherita ini mula₂ di-riwayatkan peri kegagahan Menak Jingga yang telah mara masok ka-Majapahit dan dapat menawan Damarwulan. Dalam masa tawanan itu Damarwulan telah dapat pertolongan dari dua orang puteri yang juga menjadi tawanan.

Jadi dengan itu ia dapat menchuri gada kesaktian-nya kembali (Gada yang di-perbuat daripada besi kuning) dari simpanan Menak Jingga. Jadi dengan gada ini-lah ia dapat menewaskan Menak Jingga.

SASTERA DI-ZAMAN PERALEHAN

Sa-chara kasar telah di-terangkan di-dalam bab yang lalu, kesusasteraan kita di-zaman sa-belum datang pengaruh 'Arab/Parsi (Islam).

Sa-bagaimana yang di-terangkan di-bab₂ yang lalu, pengaruh Hindu telah meresap ka-dalam kebudayaan kita hampir 1300 tahun lama-nya. Kemudian, lepas itu baharu-lah datang pengaruh Islam, ia-itu kira₂ pada abad XIII.

Kedatangan dua pengaruh asing ini di-'Alam Melayu kita ini, sudah tentu mengakibatkan berbagai₂ proses. Biasa-nya pengaruh yang terbaharu itu sangat susah hendak di-terima oleh musharakat kita, sebab pengaruh yang lama telah bersébat di-jiwa orang Melayu.

Oleh itu pada zaman Islam datang ka-'Alam Melayu, pembawa₂ ugama Islam telah menggunakan paksaan bagi menghindarkan fahaman₂ Hindu itu, ya'ani segala tempat₂ berhala Hindu di-robuhkan. Cherita₂ lama yang ta' menyebut nama Allah apa lagi yang penoh unsur₂ Hindu, wajib di-bakar atau di-buat penyalat najis. (Dalam buku Siratul Mustaqim, oleh Shikh Naruddin Al-Raniri, T.M. 1634, ada menyatakan kenyataan yang bagini).

Jadi dengan itu segala₂ cherita lama yang berunsor Hindu itu di-ganti dengan cherita baharu yang berunsor Islam atau, cherita lama itu di-perbaiki dan di-sesuaikan supaya tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Di-sini kesimpulan-nya : Bahan₂ yang berbau Hindu itu di-Islamkan, tetapi biasa-nya maseh berchorak Hindu lagi.

Jadi faktor₂ yang terjadi di-dalam proses₂ di-zaman per-
alehan Hindu — Islam ini, ia-lah :

- a) Faktor Pindaan.
- b) Faktor Pergantian.

Yang di-maksudkan "PINDAAN": Mana unsur₂ Hindu yang tidak sesuai dengan fahaman Islam, di-pinda. Mithal-nya : Dewata Mulia Raya, di-pinda jadi Allah Ta'ala. Betara Guru di-pinda jadi nabi₂. Dewa₂ jadi mala'ikat. Brahmin jadi Shikh. Bagitu juga bota raksaksa jadi jin dan iblis, dan jentayu jadi borak, dan sa-bagai-nya.

Yang di-maksudkan "PERGANTIAN": Nama Hindu yang terdapat dalam sastera lama itu di-ganti dengan nama dan sifat₃ yang berchorak Islam, saperti : Peristiwa₂ dalam che-rita tua itu di-kaitkan dengan peristiwa Islam (umpama per-tapaan Ravana berjumpa dengan Nabi Adam). Nama₂ tempat di-ganti dengan nama Mekah, Juddah dan sa-bagai-nya. Bagitu juga nama orang di-ganti dengan nama Muhammad, Abdullah dsb. Tetapi malang-nya kadang₂ pergantian itu di-dapati tidak me-nasabah pada tempat-nya. Dan ini kadang₂ merosakkan cherita itu. Mithal-nya :

- a) Hikayat Birma Shahdan : Penulis-nya Shikh Abu Bakar Ibn Omar yang berumur 128 tahun dan hidup di-zaman Nabi Allah Noh. Dalam pada itu tidak pula menyebutkan tarikh hikayat itu di-tulis atau bila tarikh-nya umur pe-ngarang itu menchapai umur 128 tahun. Ada satu nas-khah lain yang di-perchayai naskhah asal, menyebutkan pengarang buku itu hidup di-zaman Sultan Mahmud Shah, Melaka. Ini ada-lah lebeh menasabah.

Dalam hikayat ini di-dapati nama Hindu berchampur adok dengan nama Islam.

- b) Hikayat Indera Putera : Hikayat ini hikayat Hindu; te-tapi telah di-pinda dan di-sesuaikan bagi musharakat Me-layu yang beragama Islam. Hikayat ini naskhah pen-dek-nya bernama Indera Jaya Pati atau Puteri Jaya Pati.

Ada bahagian₂ cerita ini yang di-Islamkan, seperti nama tuan puteri Chendera Nor Lela. Jin penjaga taman, bernama Malek Indera. Nama asal raja di-dalam cerita ini ia-lah Maharaja Bikrama Indera Dewa, bila di-Islamkan ia bernama Paduka Seri Jaya Saifat 'Alauddin Shah. Maka demikian-lah kandungan jalan cerita Indera Putera itu maseh tebal lagi chorak Hindu-nya. Tetapi walau bagaimana pun di-hujung cerita itu Indera Putera yang memakai gelaran sultan bersama empat orang isteri-nya, baginda hidup dengan aman sejahtera memerintah kerajaan hingga akhir hayat baginda.

Sa-lain dari apa yang di-sebutkan di-atas tadi, di-zaman ini kerap-kali di-dapati hikayat₂ tua Melayu yang mempunyai dua nama ia-itu nama Hindu dan nama 'Arab. Mithal-nya : Hikayat Marakarma di-kenal juga dengan hikayat Si-miskin. Hikayat Serengga Bayu di-kenal juga dengan nama hikayat Ahmad Muhammad. Hikayat Indera Jaya atau, Bikrama Datya Jaya di-kenal dengan nama 'Arab-nya Shah im Madan. Hikayat Maharaja Pikrama Sakti di-kenal juga dengan nama Hikayat Nakhoda Muda.

Jadi sastera Melayu tua di-zaman ini, boleh kita bahagikan kepada dua, ia-itu :

- a) Sa-tengah hikayat yang mempunyai SATU nama; tetapi isi-nya berbedza-bedza dan sa-tengah bahagian-nya sama. Saperti: Hik. Seri Rama antara naskhah Bodliean dengan naskhah Van Esinga dan naskhah Maxwell (lihat bab yang lepas).
- b) Sa-tengah hikayat yang mempunyai nama yang berlainan, tetapi isi-nya sama dan ada juga yang berbedza (ini telah di-nyatakan dalam bab ini, lihat di-atas).

Di-dalam sastera zaman peralehan ini kita dapati motif (gambaran yang nyata):

- a) Bermotif Hindu/Buddha.
- b) " Islam.
- c) " Tempatan.

Kalau kita kaji, sastera di-zaman ini maseh tebal dengan unsur dan motif₂ Hindu/Buddha-nya lagi. Umpama-nya menchari benda 'ajaib untok mengubati penyakit, biasa-nya benda itu susah di-dapati, saperti menchari susu harimau, buloh perindu dsb-nya.

Perkara yang berdasarkan motif Islam pula ia-lah saperti kahwin empat, berjumpa nabi₂, berdo'a kapada Allah, gelaran raja bertukar kapada panggilan sultan.

Motif tempatan pula ia-lah apa sahaja gambaran yang bersangkutan dengan 'alam keliling musharakat Melayu.

KEDATANGAN ISLAM

Tempat atau daerah yang mula-mula sekali menerima kedatangan Islam di-'Alam Melayu ia-lah Sumatera Utara ia-itu, pada akhir K. M. XII. Bukti-nya :

- a) Marco Polo, dalam pelayaran-nya, singgah di-Sumatera pada T. M. 1292. Dan di-dapati-nya penduduk₂ di-situ telah beragama Islam.
- b) Batu nisan Sultan Malikus Saleh yang bertarikh T. M. 1297. (Pada batu ini ada menerangkan yang sultan ini beragama Islam).

- c. Sa-orang raja di-Perlak mangkat pada T.M. 1326. Pada pertengahan abad XIV perkembangan Islam telah tergendala sebab, Kerajaan Majapahit berkuasa di-Sumatera; tetapi ugama Islam terus menerus di-anut, chuma perkembangan-nya sahaja tersekat. Mengikut keterangan orang China, penduduk₂ negeri ini telah pun masok Islam pada masa itu. Negeri₂ itu ia-lah saperti: Aru, Pidir dan Samudera.

SIAPA-KAH YANG MEMBAWA ISLAM ?

Pengembang₂ ugama Islam itu ia-lah, ahli₂ saudagar dan pengembang ugama Islam dari Gujerat. Islam mula bertapak di-Pasai lebeh kurang dalam T.M. 1400; kemudian negeri Melaka telah menjadi sa-buah negeri yang mashhor tempat tumpuan pedagang₂. Dengan ini perkembangan Islam telah berpusat di-Melaka. (Bukti: Sunan Bonang dan Sunan Giri dari Jawa telah datang menuntut 'ilmu ajaran Islam di-Melaka pada akhir abad XV).

Oleh itu tentu-lah segala buku yang berchorak Islam telah di-terjemahkan dan di-sebarkan di-Melaka. Ini dapat di-buktikan, kerana di-dalam buku₂ itu terdapat pengarah₂ Melaka.

Dari Melaka Islam berkembang ka-Tanjong Pura, Palembang, Gerisek dan Tuban. Pada T.M. 1475 boleh di-katakan kebanyakan daerah₂ pantai Jawa telah masok Islam. Penduduk₂ di-Jawa Tengah beratus₂ tahun kemudian daripada itu baharu berugama Islam.

Tarikh₂ negeri ini masok Islam :

- a) Palembang dan Sunda ia-lah, T.M. 1511.
- b) Berunai ia-lah, T.M. 1521.
- c) Maluku dan Banda ia-lah, pertengahan abad XV.
- d) Makasar dan Bugis ia-lah, T.M. 1606.

Hikayat₂ Islam yang mula₂ di-melayukan ia-lah dalam abad XV atau sa-lewat₂-nya pada awal abad XVI. Hikayat₂ itu ia-lah seperti: Hik. Iskandar Dzulkarnain, Hik. Amir Hamzah, Hik. Muhammad Ali Hanafiah, dan Hik. Nabi Yusof. Sa-lain daripada hikayat₂ tersebut, tidak-lah dapat di-tentukan sama ada yang lain₂ di-tulis pada masa itu atau pada masa lain.

Kita boleh menentukan atau membuat agakan, bila masanya buku itu di-tulis dengan chara memerhatikan hal₂ yang tertulis di-dalam buku itu. Mithal-nya, hikayat₂ yang mengandongi fahaman Shi'ah, ia-itu seperti Hik. Nor Muhammad dan sa-bagai-nya. Daripada ada-nya unsur Shi'ah ini kita dapat mengagakkan yang buku itu terkarang pada mula Islam sampai. Kalau sa-sudah orang 'Arab sendiri datang (mereka datang sa-sudah beberapa lama Islam bertapak di-sini) tentu-lah tidak ada fahaman Shi'ah ini; kerana fahaman Shi'ah ini di-bawa oleh orang Parsi.

Sa-lepas T. M. 1511, pusat perkembangan Islam berpindah ka-Acheh. Tempat segala₂ buku yang di-tulis masa itu tentu-lah di-Acheh. Oleh itu ta' dapat tiada buku itu berpengaruh Acheh. Mithal-nya, bahasa Melayu-nya tidak baik; sebab bahasa Melayu bukan menjadi bahasa basahan di-Acheh. Bahasa Melayu hanya di-gunakan ketika perlu sahaja.

Pendek kata, dari chontoh₂ yang di-beri di-atas, kita boleh mengagakkan sama ada buku itu di-tulis di-Acheh atau, di-Melaka.

Di-antara hikayat₂ atau cherita₂ dan ajaran₂ yang sangat di-gemari ia-lah yang di-bawa oleh orang₂ Islam;

- a) Sejarah Islam.
- b) Dongeng Islam.
- c) Dongeng Sejarah Islam.

Sastera Islam yang sampai kepada kita, bolehlah dibahagikan kepada beberapa bahagian, ia-itu :

- a) Risalah₂ dan kitab₂ yang berkait dengan ugama Islam, seperti : Rukun Islam, Rukun Iman, dan lain₂ lagi.
- b) Hikayat pahlawan₂ dan nabi₂ sa-belum Nabi Muhammad :
 1. Hikayat₂ yang penuh dengan berbagai-bagai hikmat. Biasa-nya berunsor Shi'ah. Saperti : Hik. Iskandar Dzulkarnain, Hik. Amir Hamzah, Hik. Saif Dzul-Yazan.
 2. Hikayat₂ berkenaan nabi saperti : Hik. Nabi Yusof, Hik. Nabi Isa, Hik. Nabi Noh dan lain₂ lagi.
- c) Hikayat₂ berkenaan Nabi Muhammad :
 1. Berkenaan Nabi Muhammad sendiri saperti : Hik. Nor Muhammad, Hik. Nabi Berchukor, Hik. Nabi Wafat, Hik. Bulan Berbelah dan lain₂ lagi.
 2. Hikayat₂ berkenaan keluarga Nabi Muhammad, saperti: Hik. Muhammad Ali Hanafiah, Hik. Muhammad Mengajar Anak-nya Fatimah dan lain₂ lagi.
- d) Hikayat berkenaan sahabat nabi yang empat dan lain₂ yang sa-masa dengan Nabi Muhammad. Bahagian ini dapat kita pechahkan kepada dua bahagian, ia-itu :
 1. Yang mempunyai bukti sejarah keseluruhannya.
 2. Yang tiada mempunyai bukti sejarah langsung. (Boleh jadi dongeng sahaja saperti, Hik. Tamin al-Dari).
- e) Dongeng Islam (biasa-nya terbitan tempatan) saperti: Hik. Raja Handok (Hik. Raja Lahat). Ini satu chontoh hikayat yang tiada langsung dalam sejarah Islam.

- f) Hikayat₂ yang datang-nya kemudian lagi daripada hikayat₂ di-atas, ia-itu saperti cherita₂ berbingkai. Kebanyakan cherita jenis ini terjemahan daripada bahasa Parsi saperti : Hik. Bayan Budiman, Hik. Kalilah Daminah, Hik. Bakhtiar dan lain₂ lagi.

HIKAYAT ISKANDAR DZULKARNAIN :

Hikayat ini sangat di-gemari seluroh dunia. Jadi, dengan sebab itu hikayat ini ada di-dalam berbagai-bagai bahasa saperti: Turki, 'Arab, Parsi, Hindustan, Jawa, Bugis, Siam, Latin, Yunan dan di-dalam bahasa Jerman Tua dan dalam lain₂ bahasa lagi.

Tanggapan mereka terhadap Iskandar Dzulkarnain berlain₂. Ada yang menganggap-nya sa-bagai sa-orang yang gagah, sa-bagai sa-orang Arjuna dan ada pula yang menganggap-nya sa-bagai sa-orang ahli pertapaan; dan berbagai-bagai lagi. Dalam Sejarah Melayu pula di-anggap Iskandar Dzulkarnain sa-orang pengembang agama Nabi Ibrahim.

Uutok menentukan bila-kah cherita ini sampai ka-'Alam Melayu; boleh-lah kita berpandukan buku Sejarah Melayu. Dalam Sejarah Melayu ada bahagian₂ yang telah di-chedok daripada Hik. Iskandar Dzulkarnain. Oleh yang demikian sudah pasti-lah Hik. Iskandar Dzulkarnain ini sudah ada di-'Alam Melayu beberapa lama sa-belum Sejarah Melayu di-tulis (naskhah asal Sejarah Melayu di-tulis ta' lewat daripada T. M. 1536).

Hikayat ini di-sador daripada bahasa Parsi, bukan-nya daripada bahasa 'Arab. Penulis-nya konon ia-lah, Al-Suri Abdullah Al-Muqaffa.

HIKAYAT AMIR HAMZAH :

Di-agakkan tertulis pada abad XV, atau sa-lewat₂-nya pada awal abad XVI. Mengikut pendapat Prof. Van Ronkel, hikayat ini di-terjemahkan langsung daripada bahasa Parsi.

HIKAYAT JUMJUMAH (HIKAYAT TENGGORAK KERJING) :

Tidak ada kenyataan mengatakan cerita ini cerita lama. Sungguh pun begitu, cerita ini di-dapati dalam bahasa Melayu, Sunda, Aceh, Parsi, Hindustan dan Afghanistan.

HIKAYAT SAIF DZUL-YAZAN :

Mengikut cerita-nya, cerita ini berlaku pada T. M. 570. Nama orang dan nama tempat di-dalam cerita ini menunjukkan cerita ini ujud di-Kairah. Umpama-nya nama tempat seperti Iskandar, Nabi Khidzir dan sa-bagai-nya.

(Tiada-lah di-ketahui sama ada naskhah yang tersebut itu naskhah lama atau naskhah baharu).

HIKAYAT SULTAN IBRAHIM IBN ADAM :

Sultan Ibrahim mangkat pada T. M. 776. Dia ada-lah sa-orang sultan yang hidup bersahaja. Ia tidak mementingkan kekayaan dan kemuliaan. Kemudian dari Sultan Ibrahim ini baharu-lah timbul fahaman 'ilmu tasauf.

Hikayat ini ada di-dalam bahasa 'Arab, Turki, Hindustan, Jawa, Sunda, Aceh. Dalam bahasa Melayu ada tiga naskhah yang berbedza-bedza. Naskhah yang panjang di-agakkan terjemahan daripada bahasa 'Arab.

HIKAYAT₂ NABI MUHAMMAD :

Di-dalam hikayat₂ ini boleh di-dapati unsur₂ Hindi/Parsi (Shi'ah) ia-itu golongan yang menganggap Saidina Ali itu sa-bagai Nabi Muhammad.

a) Hikayat Nor Muhammad :

Ada sa-buah naskhah Batawi di-salin pada T. M. 1668, untuk sultan Aceh. Hikayat ini di-ketahui ada tiga naskhah. Chorak₂, fikiran₂ dan fahaman-nya sama-lah seperti yang di-dapati di-dalam Hik. Mohd. Ali Hanafiah. Pada penghujung kitab ini ada tertulis ayat yang berbunyi demikian "Barang siapa membacha atau menyimpan kitab ini, akan mendapat pahala yang besar".

b) Hikayat Bulan Berbelah (Hikayat Mu'jizat Nabi):

Hikayat ini ada di-dalam bahasa Bugis dan Makasar. Di-dalam-nya terdapat juga cerita-cerita berkenaan Saidina Ali.

c) Hikayat Nabi Berchukor :

Ada di-dalam bahasa Jawa, Sunda, Aceh dan Makasar. Apabila datang pengembang agama Islam daripada Hadrat Maut mereka melarang orang memperchayai kitab ini.

d) Hikayat Nabi Wafat :

Berasal daripada Parsi dan bernama Tuti Nameh.

HIK.₂ PAHLAWAN YANG BERKAIT DENGAN NABI MUHAMMAD :

a) Hikayat Muhammad Ali Hanafiah :

Naskah tua-nya di-dapati di-Acheh oleh sa-orang Belanda dalam T. M. 1604. Di-dapati perkataan tua di-dalam-nya yang tidak di-pakai lagi pada masa ini. Mengikut Prof. Van Ronkel : Hikayat ini di-terjemahkan daripada bahasa Parsi. (Bukti-nya, di-dalam-nya di-dapati sajak₂ Parsi). Ada juga hikayat ini di-dapati di-dalam bahasa 'Arab; tetapi hanya tentang riwayat₂ hidup-nya.

Hikayat ini dalam bahasa Melayu-nya bahagian permulaan-nya tidak di-dapati di-dalam hikayat Parsi, ia-itu bahagian₂ berkenaan Nor Muhammad.

Bahagian akhir-nya pun berlainan juga. Ada kemungkinan bahagian itu di-tambah di-Tanah Melayu atau di-India. (Kerana ada bahagian yang berchorak India).

Masa mengadakan 'adat isti'adat menabalkan Sultan Zainal Abidin, segala upacara dan 'adat₂-nya itu sa-iras₂ dengan yang di-dapati dalam hikayat tua Melayu.

Sa-tengah orang besar-nya memakai nama Sanskrit, chara menghadap raja ia-lah chara yang penoh pengaruh Hindu. Raja yang berjiran telah mengirim hadiah antara satu sama lain. Di-antara-nya ada yang mengirim sutera, beldu winggi dan sa-bagai-nya. (Ini ia-lah perkataan₂ dari bahasa Sanskrit).

b) Hikayat Tamin Al-Dari :

Tamin Al-Dari ia-lah sa-orang Serani yang memelok ugama Islam pada T. H. 7. Ia pindah daripada Plastine ka-Madinah dan dapat nasehat daripada Nabi Muhammad dalam beberapa perkara.

Hikayat ini penoh dengan perkara₂ yang tidak nyata mithal-nya : Ia telah mencheritakan kapada nabi yang kapal-nya telah terhempas ka-batu, kemudian ia telah ber-jumpa dengan Dajal yang hendak keluar merosakkan dunia. Hikayat ini timbul-nya dalam bahasa 'Arab, kemudian di-sadorkan ka-bahasa Sunda, Melayu, Bugis, Makasar, Aceh, Turki, Sepanyol, Urdu dan Afghanistan.

Pendahuluan pada naskhah dalam bahasa Melayu ada menyebut yang hikayat ini di-terjemahkan daripada bahasa 'Arab ia-itu daripada kitab yang bernama "TARIKH AL-HIJRAH". (Ini bersalahan dengan hikayat yang sa-benar-nya dalam bahasa 'Arab ia-lah bernama "HIKAYAT TAMIN").

Boleh jadi juga ia di-terjemahkan daripada hikayat India kerana di-dalam-nya di-dapati perkataan Sanskrit dan Parsi. Naskhah yang ada pada kita itu di-anggap salinan; bukan-nya naskhah asal. Perkataan-nya ia-lah perkataan tua yang boleh di-dapati dalam hikayat Bayan Budiman.

Hikayat Bayan Budiman telah ada pada T.M. 1600. Oleh itu hikayat Tamin Al-Dari boleh-lah di-agakkan terbit dalam tahun itu juga.

c) Hikayat Samuan :

Hikayat ini tidak di-kenal sejarah-nya; tetapi boleh di-dapati dalam berbagai-bagai bahasa seperti: Bahasa Melayu, Jawa, Sunda dan Aceh.

Hikayat ini di-terjemahkan daripada bahasa Jawa (lalu daripada bahasa Melayu di-terjemahkan ka-bahasa Jawa. Ini boleh jadi telah dua kali di-terjemahkan ia-itu daripada bahasa Melayu ka-bahasa Jawa, kemudian daripada bahasa Jawa ka-bahasa Melayu pula).

Hikayat Samuan daripada bahasa 'Arab itu bersalahan dengan sejarah dan cherita₂ di-dalam-nya berlainan langsung. Ada bahagian yang mengatakan Nabi Muhammad itu raja Madinah. Ini menunjukkan penterjemah itu tidak tahu berbahasa 'Arab. Dan ada pula bahagian₂ lain yang di-masokkan ka-dalam-nya.

Satu daripada naskhah ini pada permulaan-nya ada menyebut Nabi berkata kepada Ali, " Barang siapa mendengar atau membacha hikayat ini, di-ampunkan Tuhan akan dosa-nya ". (Ini-lah satu daripada unsor Shi'ah).

d) Hikayat Abu Samah :

Abu Samah ia-lah putera Saidina Omar. Hikayat ini terdapat dalam bahasa Melayu, Sunda, Aceh dan Hindustan.

HIKAYAT₂ DONGENG ISLAM :

a) Hikayat Raja Handak :

Hikayat ini ta'ada langsung dalam bahasa 'Arab. Hikayat ini timbul di-'Alam Melayu sahaja.

Hikayat ini ada di-dalam bahasa Melayu, Sunda dan Makasar.

HIKAYAT BERBINGKAI DALAM SASTERA ISLAM :

Hikayat₂ itu ia-lah Hik. Bayan Budiman, Hik. Kalilah Daminah dan Hik. Sa-ribu Satu Malam.

Beberapa bahagian di-dalam hikayat₂ ini terdapat di-dalam Hik. Jataka dan Panchatantra. Dan ada bahagian yang di-dalam Hik. Bayan Budiman terdapat pula di-dalam Hik. Kalilah Daminah dan sa-balek-nya.

Hikayat Kalilah Daminah berasal daripada hikayat Hindu yang bernama Panchatantra. Hikayat Bayan Budiman berasal daripada hikayat Hindi yang bernama Suka-saptati.

Hikayat Bayan Budiman itu sampai kepada kita bukan daripada Sukasaptati terus; tetapi daripada Hindu ka-Parsi dan daripada Parsi (Tuti-Nameh) baharu ka-Melayu.

Chuma 14 muka naskhah asli-nya yang tersimpan di-Bodleian Library. Tarikh tertulis hikayat Bayan Budiman ini ia-lah sa-lewat₂-nya dalam T. M. 1600. Alasan₂-nya :

- a) Naskhah ini dapat ka-tangan Edward Pococke dalam T. M. 1600, (di-dapati-nya telah koyak₂. Ini menunjukkan buku itu telah tua umor-nya).
- b) Kerja menyalin buku itu memakan masa yang lama.
- c) Buku ini pada zaman dahulu sangat berharga, kalau sudah di-biarkan sa-hingga tinggal 14 muka tentu buku itu sudah ta' berharga lagi. Ini menunjukkan buku itu telah lama.
- d) Oleh sebab orang telah jemu membacha-nya, itu-lah sebab-nya di-biarkan buku itu koyak₂ dan di-berikan kepada orang lain.

Dari itu nyata-lah buku itu di-melayukan dahulu daripada T. M. 1600 itu. (Ahli penyelidek telah mengagakkan buku itu di-terjemahkan pada pertengahan abad XVI).

Bahasa-nya bahasa zaman Melayu Melaka, atau terkemudian sedikit daripada zaman itu.

Penterjemah-nya mungkin sa-orang Parsi. Orang itu tentu-lah tinggal di-Melaka pada masa Melaka aman (sa-belum datang Portugis) kerana orang Portugis sangat benchi orang₂ Islam.

Anak khadzi Hassan bernama Sabariah, tentu nama ini terkenal di-Melaka. (Siti Sabariah ia-lah nama sa-orang yang mulia dalam cherita Bayan Budiman).

So'al ejaan-nya. Vokal Alif Ya, Wau itu di-gunakan bermacam gaya. Umpama dalam perkataan₂: Kemarau, Kering, Kekaseh dan sa-bagai-nya. Bahasa-nya kurang berbunga. Ini menunjukkan pada masa itu pekerjaan menterjemah baru sahaja di-adakan.

SEJARAH HIK. BAYAN BUDIMAN

Cherita Bayan Budiman berasal daripada kumpulan cherita Sukasaptati yang mengandongi 70 buah cherita bayan. Bahasa-nya ia-lah bahasa Sanskrit. Cherita ini ada dua naskhah, ia-itu :

1. Cherita Panjang: Mengandongi 70 cherita bayan yang biasa di-dapati daripada "LESSEN'S ANTHOLOGIA SANSKRITA" dan juga daripada terjemahan WORTHAM "The enchanted parrot being a selection from the Sukasaptati or the tales of a parrot".

2. **Cherita Pendek :** Di-dapati daripada edisi (Edition) R. Schmidt. Daripada hikayat yang panjang cherita-nya bayan ini di-sadorkan ka-bahasa Parsi oleh Nakhshabi pada T. M. 1329 dan di-beri nama TUTI NAMEH. Gerren menterjemahkan 12 daripada 52 cherita Tuti Nameh ka-dalam bahasa Inggeris.

Sa-lain daripada teks Nakhshabi ada lain₂ sadoran atau versi. Mithal-nya; terjemahan cherita₂ dalam Tuti Nameh ka-bahasa Turki oleh Sury Abdullah Effendi, sadoran ka-bahasa Parsi pula oleh Mohd. Hamid Lahori dan ka-dalam prosa pendek yang senang oleh Mohd. Qadiri.

Hanya 12 daripada 52 cherita Nakhshabi yang di-dapati dalam bahasa Melayu. Ada perbedzaan sadikit di-dalam cherita Melayu dengan cherita Nakhshabi atau, cherita Qadiri. Di-dalam dua sadoran yang akhir itu di-katakan burong bayan mencheritakan kechurangan isteri kapada tuan-nya dan tuan-nya membunuh dia.

Ada dua versi Dakhani yang di-panggil Tuti Nameh. Satu berbentok sha'er yang di-gubah dalam T. M. 1639 oleh Anwar daripada teks Nakhshabi, dan lagi satu oleh Ghawwashi. Mengikut Garcin de Tassay ada lagi satu versi Dakhani dalam prosa dan lagi satu dalam Hindi yang tidak di-ketahui pengarang-nya.

Cherita Hindustan, Tota Kahani oleh Haidari Alias Haidar Bakhsh telah di-susun dalam T. M. 1801 daripada sengkatan (Abridgement) Qadiri. Itu pun menggunakan teks Nakhshabi untuk mengembangkan cherita itu.

Ada juga cherita ini di-dalam bahasa Tamil dan Kanarese. Demetrious Galanos menterjemahkan cherita ini ka-bahasa Yunani dan di-terbitkan oleh Typaldos.

Ada juga di-dapati teks yang di-semak (revised texts) dalam jenis prosa dan puisi dalam bahasa Jawa (berlainan langsung dengan bahasa Melayu); cerita ini ada juga di-dalam bahasa Bugis dan Makasar.

Dalam hikayat Jawa Angling Darma ada di-dapati cerita, yang di-petek daripada bahan di-dapati di-dalam hikayat Melayu ia-itu Hik. Indera Jaya atau Hik. Birma Datya Jaya (Wijya) atau Hik. Shah im Mardan.

Salinan yang tertua sekali dalam bahasa Melayu ia-lah naskhah 14 muka yang tersimpan di-Bodleian, Oxford yang di-punyai Edward Pococke (sa-orang sarjana ketimoran pada T. M. 1604 — 1691) bertarikh lebih kurang T. M. 1600.

Wernedly ada menchatetkan nama hikayat ini dalam senarai buku, Melayu pada T. M. 1736.

Nama lain hikayat Bayan Budiman dalam bahasa Melayu ia-lah : Khoja Maimun, Khoja Mubarak dan cerita Taifa.

Hikayat Bayan Budiman dalam bahasa Melayu ini kita anggap di-terjemahkan daripada bahasa Parsi kerana ada menyebut Kadzi Hassan dan di-beri pula tarikh 773 A. H. (1377 A. D.). Jika kita lihat naskhah Brandes nyata-lah cerita dalam bahasa Melayu itu tersimpang jauh daripada cerita Nakhshabi.

Manuskrip Melayu ada di-dapati di-London, Paris, Jakarta juga di-mileki oleh Royal Asiatic Society dan dua naskhah lagi di-punyai oleh India Office dan Royal Asiatic Society menambah dua naskhah lagi dari Maxwell.

Dalam pendahuluan cerita Taifa (India Office) ada diterangkan bahawa beberapa muka surat (naskhah) itu di-jumpai oleh Sultan Zainal Abidin Ibn Al-Marhum Mohd. Shah, Sultan Terengganu. Mungkin naskhah itu atau salinan-nya di-beri kepada Bendahara R. Indra Bongsu, Temenggong, Laksamana dan Shahbandar. Mereka membacha-nya di-waktu berkabong dan waktu berkhenduri. Pada suatu ketika naskhah itu di-punyai oleh John Leyden.

Ada juga beberapa cerita daripada hikayat ini yang didapati dalam Hik. Bakhtiar, Hik. Kalilah Daminah. Kalau dibandingkan dengan yang di-dalam bahasa Melayu ada sedikit persamaan, ada beberapa setting dan beberapa ayat falsafah yang sama; tetapi sa-balek-nya ada beberapa cerita tua (cerita mulut) yang berasal daripada Sukasaptati. Terang-lah sa-belum Islam datang, cerita ini telah tersebar sa-chara lisan.

HIKAYAT KALILAH DAMINAH

Berasal daripada Sanskrit, lebih kurang 2,000 tahun dahulu. Raja yang memerintah pada masa itu tersangat kejam. Nama raja itu Dabshalim. Sa-orang pendita Brahman berani menegor kedzaliman raja itu. Pendita itu bernama Baidaba. Oleh sebab keritik-nya itu raja naik marah, lalu di-penjara-nya Baidaba. Berikutan dengan peristiwa Baidaba, banyak lagi ahli ugama yang di-hukum penjara. Lama kelamaan raja itu sedar tentang kedzaliman-nya itu. Baidaba di-lepaskan. Ia menyuruh Baidaba karangkan sa-buah kitab yang boleh memberi nasehat kepada ra'ayat, dan raja, dan kitab itu akan kekal menjadi kenangan pemerentahan-nya. Segala cerita di-dalam-nya ia-lah di-jalinkan dalam bentok cerita Binatang.

Dalam buku asli-nya ada 12 cerita binatang; tetapi cerita yang lengkap tidak di-peroleh lagi hanya boleh didapati dalam cerita Kitab Panchatantra, Hitopadesa, Mahabharata dan lain, lagi. Cerita, ini di-kumpulkan oleh sa-orang Brahmin pada T. M. 300. Kumpulan ini di-namakan "PANCHA TANTERA" (lima buah cerita).

Dalam abad VI raja Parsi Nurshirwan (Khusra anu Shirwan) menyuruh sa-orang tabib-nya yang bernama Burzoe pergi ka-Hindustan menterjemahkan cerita itu. Buku terjemahan yang asli juga hilang. Cerita ini di-terjemahkan ka-bahasa Seria dan di-beri nama KALILAH DAMNAJ dalam T. M. 570.

Dua ratus tahun lepas itu cerita tersebut di-terjemahkan ka-dalam bahasa 'Arab oleh Abdullah Ibn Mukaffa. Terjemahan ini-lah yang jadi ibu kepada terjemahan yang lain₂ seperti yang dalam bahasa₂ Eropah dan lain₂-nya.

Hikayat ini ada juga terjemahan-nya dalam bentuk puisi oleh Nasrullah. Ini-lah yang menjadi asas terjemahan dalam bahasa Melayu.

Di-dalam dunia ada 250 buah salinan-nya dalam 50 bahasa. Di-Eropah cerita ini di-namakan "THE FABLES OF BIRD-PIE".

Kumpulan cerita ini sampai ka-'Alam Melayu melalui beberapa jalan. Kumpulan pertama Pancha Tantra telah di-bawa oleh orang₂ Hindu. Ada ukiran dan cerita kumpulan ini di-Chandi Mandut dalam abad IX dan satu lagi di-Chandi Jago pada abad XIII.

Cerita ini terdapat juga dalam bahasa Jawa Kuno, Jawa Pertengahan dan dalam bahasa Jawa Baharu. Dan boleh juga di-dapati dalam bahasa Bali dan Madura. Dalam bahasa Jawa cerita ini di-namakan "T A N T R I".

Dalam bahasa Melayu ada tiga sadoran termasuk dalam Pancha Tantra :

- a) Kalilah Daminah.
- b) Pancha Tantra terjemahan Munshi Abdullah bersama Tambi Mutu Barapatar dalam T. M. 1835.
- c) Cerita terjemahan oleh Gonggrip, sa-orang sarjana Belanda daripada bahasa Belanda yang di-ambil daripada Peranchis yang di-ambil daripada bahasa Turki.

Sungguh pun kita dapati cerita₂ ini datang daripada tiga kumpulan tetapi cerita-nya tidak-lah sama. Tujuh buah cerita dalam kumpulan Nasrullah (yang akhir) boleh di-dapati dalam Hik. Ghulam.

HASIL₂ SASTERA YANG BERSIFAT SEJARAH

1. *HIKAYAT RAJA₂ PASAI* :

Sumber₃ Hik. Raja₂ Pasai

Dari iktisar isi-nya kita dapati hikayat ini di-petek daripada hikayat₂ lain dari India seperti : Ramayana. Bukti-nya :

- a) Dasarata mendapat anak sa-orang puteri dari rumpun buloh ia-itu Mandu Dari atau Mandu Daki. Hal yang seperti ini boleh di-dapati dalam Hik. Raja₂ Pasai.
- b) Terdapat raja membunuh anak-nya lantaran menchintai puteri Majapahit . Kata Prof. Roolvink ada persamaannya dengan Rama menyalahkan Sita Dewi lantaran peristiwa kipas di-dada Sita Dewi. Ini sa-rupa dengan episode dalam Sejarah Melayu lantaran membunuh anak-nya Raja Ahmad dan orang₂ besar Melaka.
- c) Dalam Katha Sarit Sagara ada peristiwa sa-ekor gajah puteh keluar menchari sa-orang bakal raja. Hal sa-macam ini terdapat juga dalam Hik. Ahmad Muhammad. Dalam Hik. Raja₂ Pasai, anak raja yang dapat dalam perdu buloh di-nikahkan dengan anak raja di-atas sa-ekor gajah.
- d) Merah Silu apabila di-suroh menguchap dua kalimah shahadat dan membacha kor'an, dengan sa-kejap sahaja ia boleh dapat. Ini mengingatkan kita kepada perjumpaan Jibrail dengan Nabi Muhammad di-gua An-Nor; yang menyuroh nabi membacha ayat Ikra'..... Peristiwa sa-rupa ini terdapat juga dalam Sejarah Melayu ia-itu kesah Raja Kechil Besar memelok ugama Islam.
- e) Asal nama tempat — nama Melaka sebab peristiwa pelandok menerajang anjing. Nama Pasai sebab anjing yang bernama Si-Pasai di-terajang oleh pelandok juga. Ini meng-

ingatkan kita kepada semut sa-besar kucing, dan dari sini terbit nama Samudera.

Di-hujung Hik. Raja₂ Pasai ini ada tertulis daftar nama₂ negeri yang terta'alok kepada Majapahit. Lebih banyak lagi nama₂ negeri yang tertulis dalam Nagara Kartagama oleh Prapancha dalam T. M. 1518.

Pengarang Hik. Raja₂ Pasai ini ia-lah sa-orang yang ahli dalam bahasa Melayu. Bukti-nya :

Kita dapati bentok puisi saperti yang di-terakan di-bawah ini :

“ Ayohai dara Zulaikha tingkap,
Bangun apa-lah engkau !
Asal-mu orang terjunan pengiran,
kerana engkau penghulu gundek-ku
Bergelar Tun Derma'dikara.
Bangun apa-lah engkau !
tidak-kah dengar bunyi,
Genderang perang di-Tukasan ?
Palu taboh-tabohan !
Hari dinihari, bulan pun terang”.

2. SALASILAH MELAYU DAN BUGIS :

Cherita ini mengkesahkan pengembaraan lima orang saudara dari Tanah Bugis untok menchari untong di-negeri asing di-kepulauan Melayu. Juga di-cheritakan keturunan mereka di-Berunai, Pulau Riau, Lingga dan di-Tanah Melayu. Kesah-nya sangat singkat kerana chuma menelan masa 16 tahun sahaja ia-itu daripada T. H. 1134 — 1150.

Yang menjadi puncha ia-lah lima orang putera Bugis yang datang belayar ka-negeri asing untok memberi bantuan tentera. Dari Matan datang permintaan untok bantuan daripada Upu₂. Raja Sulaiman berkelahi dengan Raja Kechil. Raja Siak minta bantuan Upu₂. Raja Kechil kalah, lari. Dua adék-beradek raja Kedah berkelahi kerana takhta kerajaan dan minta bantu daripada Upu₂. Daeng Perani pergi dan berkahwin dengan puteri Kedah.

Hikayat ini di-mulakan dengan kata₂ pujian kapada Tuhan dalam bahasa 'Arab. Dan di-nyatakan sebab₂ ia mengarang buku itu atau apa-kah perkara₂ yang mendesak ia menulis cherita itu.

3. *HIKAYAT HANG TUAH* :

Harus hikayat ini di-pengarohi cherita₂ Panji sebab, cherita₂ Panji di-zaman itu tersangat mashhor di-kalangan orang₂ Melaka. Cherita Panji sama mashhor-nya dengan cherita Mahabharata dan Ramayana. Hikayat Hang Tuah boleh di-katakan berchontohkan cherita₂ Panji. Pengarang Hikayat Hang Tuah luas pengetahuan-nya tentang Tanah Jawa; khusus-nya berkenaan cherita₂ Panji.

Hikayat Hang Tuah ia-lah roman Melayu yang asli dan di-perchayai hikayat ini sa-bagai Sejarah Melayu. Hikayat ini mencheritakan hal₂ yang berlaku dari zaman Sultan Mansor Shah sampai ka-zaman Sultan Muhammad Shah, jarak waktu yang meliputi lebeh kurang 300 tahun.

Mengikut Winstedt : Dalam abad XV orang Melayu sangat gemar kapada cherita₂ Panji, Ramayana dan Mahabharata. Selalu di-dapati gelaran yang di-beri pada orang tempatan berasaskan pada gelaran₂ yang di-dapati dalam cherita₂ Hindu dan Jawa. Mereka memuja Laksamana dan Seri Rama. Itu-lah sebab-nya Hang Tuah mendapat pengalaman yang berlebehan

yang ta' thabit pada 'akal lantaran tebal-nya keperchayaan orang, dahulu kapada kesaktian. Dan sebab itu-lah di-agongkan kegagahan dan kesaktian Hang Tuah. Bukan sahaja pangkat laksamana yang di-ambil; tetapi juga kewajipan laksamana.

Ada pertelengkahan tentang pangkat laksamana. Sa-tengah orang mengatakan pangkat laksamana itu telah ada sebelum Hang Tuah; sebab dalam Sejarah Melayu ada di-katakan "Laksamana-lah lawan-ku."

Hasil penyelidekan sa-orang doktor yang bernama A. Zeiseness yang mengkaji pangkat, laksamana di-Perak, mengatakan yang laksamana ada-lah penjaga harem raja, ketua angkatan laut dan pembawa pedang dalam upacara di-raja.

Laksamana dalam hikayat Seri Rama meninggalkan chinta, makan minum dan tidor. Dalam cherita Hindu ini, laksamana ia-lah sa-orang pertapa.

Dalam Ramayana, bila Seri Rama hendak melanggar Langkapuri, yang mengelolakan perlanggaran itu ia-lah Laksamana.

Lambang Laksamana ia-lah pedang. Lambang Seri Rama ia-lah panah.

Kata sa-tengah orang gelaran laksamana di-adakan di-istana Melaka. Pada mula-nya gelaran laksamana bukan-lah sa-bagai ketua angkatan laut; tetapi sa-bagai perwira dalam peperangan.

Persamaan Laksamana dalam hikayat Hang Tuah dengan hikayat Seri Rama :

1. Kedua-duanya orang PERTAPAAAN.
2. Kedua-duanya di-fitnahkan.

Ada satu bahagian dalam Seri Rama, di-mana Seri Rama memarahi Laksamana dan Hanuman menyembunyikan Laksamana daripada Seri Rama. Akhir-nya Seri Rama menyesal. Ini ada iras₂-nya dengan satu kesah di-dalam hikayat Hang Tuah.

HIKAYAT HANG TUAH DALAM SEJARAH MELAYU

Dalam Sejarah Melayu di-dapati beberapa riwayat yang menerangkan sifat₂ istimewa Hang Tuah dan khidmat-nya menjulang mutu kebesaran dan kemuliaan negara dan raja-nya. Sifat₂ keperwiraan beliau ada-lah di-dalam peperangan sama ada waktu Melaka menyerang, atau Melaka kena serang negeri₂ asing. Hang Tuah tidak ketinggalan mengambil bahagian.

Satu lagi sifat Hang Tuah ia-lah sifat ta'at setia kepada raja-nya. Hang Tuah pernah mendapat hukum bunuh sebab membuat churang di-zaman Sultan Mansor Shah; tetapi ia maseh bersikap ta'at setia kepada raja-nya itu, dan sanggup membunuh sahabat-nya Hang Kasturi.

Sejarah Melayu (baik naskhah Raffles 18 atau naskhah Shellabear atau pun naskhah Abdullah) tidak menyebut asal usul Hang Tuah; tetapi ada menyebut nama anak isteri Hang Tuah dan tentang kematian Hang Tuah.

Pada penghujung cherita XV (naskhah Raffles 18) ada tersebut bagini, "Sa-telah itu maka Sultan Muhammad Shah beristeri pula akan anak Laksamana Tun Birah nama-nya, beranak sa-orang perempuan Raja Dewi nama-nya."

Di-hujung cherita XVII naskhah Raffles 18 ada juga di-cheritakan kematian Hang Tuah dan uraian ringkas tentang keluarga Hang Tuah, bagini bunyi-nya :

“Sa-bermula akan Laksamana Hang Tuah pun mati-lah. Maka menantu-nya Khoja Husain nama-nya, ia di-jadikan Sultan Mahmud Shah laksamana, kerana Laksamana Hang Tuah isteri-nya dua orang. Sa-orang kaum Seri Bija di-Raja, Datok Bongkok, beranak tiga orang, yang tua perempuan di-dudokkan dengan Khoja Husain(lihat Sejarah Kesusasteraan Melayu III oleh A. Samad, ms. 5).

Dalam Sejarah Melayu naskhah Shellabear yang di-masokkan naskhah Dato' F. W. Douglas ada di-sebutkan nama menantu Hang Tuah ia-lah Khoja Hasan; juga dalam naskhah ini nama anak perempuan Hang Tuah yang berkahwin dengan Sultan Mahmud Shah itu bernama Tun Sabariah, walhal dalam naskhah Raffles 18 di-sebut Tun Birah. (Pertelengkahan ini mungkin di-sebabkan kechuaian penyalin hikayat ini sendiri).

HIKAYAT HANG TUAH DALAM TAUFAT AL-NAFIS

Dalam hikayat yang di-tulis oleh Raja Haji Ali, ada di-sebutkan kesah kerajaan Melayu Melaka pada zaman kerajaan Sultan Mansor Shah, demikian bunyi-nya :

“Pada masa kerajaan Sultan Mansor Shah ini-lah mengutus ka-Bugis kapada Raja Goa, dengan membawa beberapa bingkisan dan hadiah perkiriman, apakala di-balas oleh Raja Goa dengan sa-orang anak raja pada negeri kecil bernama Daeng Mempawah ia-itu akhir-nya jadi Laksamana Hang Tuah. Ia-lah yang mashhor dalam Melaka, hulubalang perkasa dan ia-lah yang membunuh Hang Jebat yang menderhaka mengambil gundek, raja, di-lawan-nya bermukah, kemudian mengamok-lah ia di-dalam istana, maka raja pun keluar-lah dari dalam istana.

Maka tiada pun daripada menteri, dan hulubalang raja itu menaiki Hang Jebat itu, hanya-lah Hang Tuah jua berani menaiki-nya, maka lalu di-bunuh-nya Hang Jebat itu, dan berpanjangan-lah hikayat-nya di-dalam siarah panjang.

Shahadan baginda Sultan Mansor Shah ini-lah yang berangkat ka-Tanah Jawa akan meminang anak ratu Majapahit, maka lalu di-bawa-nya balek ka-Melaka dan Pulau Tujoh pun di-berikan oleh Ratu Majapahit kepada menantu-nya raja Melaka itu.”

Di-dalam hikayat ini ada di-nyatakan sedikit tentang Hang Tuah; tetapi tiada boleh di-terima pendapat pengarang yang mengatakan Hang Tuah itu berasal daripada anak raja Bugis, kerana buku ini di-tulis dalam T. M. 1865. Walhal riwayat Hang Tuah ada di-nyatakan di-dalam Sejarah Melayu (T. M. 1612) dan terchatet dalam daftar Werndly pada T. M. 1736.

Kita ta' menafikan bahawa pengarang ini telah mendengar Hang Tuah daripada cherita₂ mulut yang berkembang dengan biak-nya. Juga hendak-lah di-ingat, bahawa pengarang buku ini berasal daripada Bugis, dan mungkin ia hendak menimbulkan sa-suatu perasaan yang boleh mengatakan darah raja Bugis ada mengalir dalam tuboh Hang Tuah.

HIKAYAT HANG TUAH

Pada mula-nya cherita ini di-tutorkan sahaja dari tenggang ka-satenggang. Dengan hal yang demikian terdapat-lah tambahan dan kekurangan yang menjadikan cherita ini dongeng penoh dengan khayalan.

Ta' di-ketahui siapa-kah pengarang-nya. Zaman terchip-ta-nya dapat di-agakkan ia-itu nyata-lah terkemudian daripada T. M. 1641, ia-itu sa-sudah Melaka di-rampas daripada tangan Portugis oleh Belanda. Hikayat Hang Tuah berakhir dengan ketewasan Peringgi oleh angkatan bersama Belanda, Johor pada bulan January, T. M. 1641.

UNSOR, YANG DI-DAPATI DALAM HIKAYAT HANG TUAH

1. Unsur Hindu :

Pada permulaan hikayat ini di-dapati bentuk₂ kesusasteraan Hindu ia-itu :

- a) Raja Keinderaan turun ka-dunia dan memperisterikan sa-orang puteri raja — dapat sa-orang anak di-namai Sang Purba; kemudian putera itu di-rajakan di-Bukit Siguntang.
- b) Sang Purba melihat muntah lembu yang menjelma menjadi sa-orang kanak₂ yang chantek, dan puteri itu menjadi permaisuri Sang Purba mendapat anak empat orang lelaki — Sang Maniaka, Sang Jaya Nantaka, Sang Saniaka dan Sang Satiaka.
- c) Sang Maniaka merajai Bentan. Di-sini-lah Hang Tuah lima bersahabat di-ambil oleh raja menjawat jawatan dalam istana.

2. Unsur Panji :

- a) Ada di-kaitkan dengan cherita₂ Panji ia-itu dalam men-cheritakan Sang Maniaka di-rajakan di-Bentan. Cherita itu ia-lah tentang Ratu Lasam menitahkan sa-orang menteri (Pateh Kerma Wijaya nama-nya) memperbaiki segala negeri yang di-rosakkan oleh Radin Inu Kerta Pati. Di-katakan Pateh Kerma Wijaya pergi ka-Bentan merajok kerana Ratu Lasam mengambil anak perempuan-nya tanpa memberitahu kapada-nya.
- b) Kesah Radin Inu Daha yang bernama Raden Wira Nantaja merantau sa-genap Pulau Jawa menchari saudara perempuan-nya Raden Galoh Puspa Kenchana.

Ia belayar ka-Bentan dan ia sangat di-kaseni oleh raja Bentan dan di-beri gelaran Ratu Melayu.

- c) Dalam masa Sang Maniaka hendak membuka Negeri Melaka, Raden Wira Nantaja ada bersama-sama-nya dalam perburuan dan melihat peristiwa pelandok puteh menerajang anjing perburuan raja, juga di-riwayatkan waktu Raden Wira Nantaja berada di-Bentan, sampai utusan dari Daha mengatakan Raden Galoh telah bertemu dengan tunang-nya Raden Inu Kerta Pati di-Gegelang.

TIDAK MENASABAH DARI SEGI SEJARAH :

Sa-saorang itu ta' mungkin hidup sampai beratus₂ tahun. Sang Maniaka di-katakan hidup hingga zaman Raden Inu Kuri-pan, pada hal cherita Panji berlaku dalam zaman kerajaan Kediri (T. M. 1294).

Di-katakan juga Sang Maniaka berkahwin dengan puteri Ratu Majapahit ia-itu di-zaman Pateh Gajah Mada (T. M. 1331 — 1364) juga di-sebutkan Sang Maniaka maseh hidup di-masa Portugis melanggar Melaka (T. M. 1511).

Juga di-sebutkan Bendahara Paduka Raja dan Temenggong Seri di-Raja yang di-lantek di-Bentan dulu serta Hang Tuah maseh hidup sampai kapada kejatohan Melaka ka-tangan Pe-ringgi.

PERTELENGKAHAN RIWAYAT HANG TUAH :

Kalau di-bandingkan hikayat Hang Tuah dengan Sejarah Melayu, jelas-lah kapada kita yang hikayat Hang Tuah banyak berasaskan cherita₂ mulut.

Boleh di-katakan penyusun hikayat Hang Tuah tidak berpandukan Sejarah Melayu. Maka oleh itu sudah tentu di-dapati beberapa pertelengkahan saperti riwayat Sang Sapurba, Sang Maniaka dan Hang Tuah dan sa-bagai-nya itu.

Pertelingkahan tentang pertikaman antara Hang Tuah dengan Hang Jebat, dalam Sejarah Melayu di-katakan Hang Kasturi; tetapi dalam hikayat Hang Tuah di-katakan Hang Tuah bertikam dengan Hang Jebat. (Yang mengatakan Hang Tuah bertikam dengan Hang Jebat ia-lah hikayat Hang Tuah dan hikayat Taufat Al-Nafis).

Oleh sebab banyak buku mengatakan Hang Tuah bertikam dengan Hang Jebat, maka kita terima kenyataan itu.

TENTANG MELARIKAN TUN TEJA KA-PAHANG :

Dalam hikayat Hang Tuah di-katakan Hang Tuah sendiri yang melarikan puteri itu. Tetapi dalam Sejarah Melayu, Hang Nadim menantu Hang Tuah yang melarikan Tun Teja anak Bendahara Pahang itu.

Ada beberapa tempat atau kesah dalam Sejarah Melayu berkenaan Hang Tuah yang tidak terdapat di-dalam hikayat Hang Tuah sendiri, mithal-nya : Sejarah Melayu ada mengatakan Hang Tuah dan Sang Setia pergi meminang puteri Gunong Ledang. Dan satu lagi kesah Hang Tuah dalam satu peperangan.

TENTANG PERKAHWINAN S. MANSOR SHAH DENGAN PUTERI MAJAPAHIT :

Mengikut sejarah, Pateh Gajah Mada menjadi Mangkubumi Majapahit dalam T.M. 1331 — 1364. Sultan Mansor Shah hidup antara T.M. 1458 — 1577 (batu nesan-nya tersimpan di-musium Melaka). Kalau kita perhatikan di-sini telah nampak perbedzaan zaman-nya.

Mengikut "Sejarah Tanah Ayer" susunan Oemar DMS : Raja Majapahit yang penghabisan bernama Karta Wijaya. Isteri dan ipar-nya beragama Islam dan ia memberi kapada ipar-nya kebebasan mengembangkan ugama Islam di-Jawa Timor. Dengan hal yang demikian maka timbul-lah sa-buah negeri Islam sa-perti Demak yang di-rajai oleh Raden Fatah T.M. 1478. Raja ini memerangi Majapahit sampai punah.

Ini jelas kepada kita bahawa di-zaman Sultan Mansor Shah ada lagi sisa₂ kerajaan Majapahit, dan sudah pasti sultan boleh mengahwini puteri Majapahit, walau pun berlainan agama. — Tidak-kah isteri Ratu Majapahit sa-orang puteri yang beragama Islam!

Mengikut kamus Wilkinson: Pateh Gajah Mada adalah gelaran sahaja bagi jawatan perdana menteri. Maka itu-lah pengertian orang Melayu tentang istilah Pateh Gajah Mada. Hendak-lah di-ingat penyusunan kamus ini di-buat bersama-sama dengan orang-orang Johor, Kedah, Province Wellesley dan lain-lain-nya.

SELESAI

BIBLIOGRAFI



1. A. Samad Ahmad :—
Sejarah Kesusasteraan Melayu I, II & III.
2. Hooykaas, Dr. C. :—
Printis Sastera.
3. Koentjarahingrat, Dr. :—
Sejarah Kebudayaan Indonesia, Jilid I.
4. Simandjuntak, B. Simorangkir :—
Kesusasteraan Indonesia.
5. Winstedt, Sir R. O. :—
A History Of Malay Literature.
6. Wojowasita, Dr. S. :—
Sejarah Kesusasteraan Melayu I & II.
7. Za'ba :—
Recent Malay Literature.
8. **Beberapa buah cherita, tua Melayu.**
9. **Bahan, pelajaran kesusasteraan Melayu,**
Perguruan Bahasa, K. Lumpur.